



# Pengenalan TAMADUN & PEMIKIRAN ISLAM KONTEMPORARI

Editor

**Mohd Nasir Ayub**  
**Ahmad Yumni Abu Bakar**  
**Zanirah Mustafa**

# **Pengenalan Tamadun dan Pemikiran Islam Kontemporari**

**Penyunting:**

**Mohd Nasir Ayub  
Ahmad Yumni Abu Bakar  
Zanirah Mustafa**

# **Pengenalan Tamadun Dan Pemikiran Islam Kontemporari**

Mohd Nasir Ayub  
Ahmad Yumni Abu Bakar  
Zanirah Mustafa

Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan teknik secara elektronik, fotokopi, mekanik atau lain-lain cara sebelum mendapatkan keizinan daripada panel penulis.

ISBN 978-983-44499-9-5  
Cetakan Pertama Januari 2011  
Cetakan Kedua November 2011  
Cetakan Ketiga Jun 2013

Reka bentuk dan ilustrasi kulit: Zakaria Muhamad

Diterbitkan Oleh:  
Universiti Teknologi MARA  
Peti Surat 187, 08100 Merbok, Kedah Darul Aman  
<http://www.kedah.uitm.edu.my/>

Dicetak Oleh:  
Perpustakaan Sultan Badlishah  
Universiti Teknologi MARA  
Peti Surat 187, 08100 Merbok, Kedah Darul Aman  
<http://kedah.uitm.edu.my/library/>

## Kandungan

---

Senarai Penyumbang

Perincian bab

Prakata

BAB 1	Konsep Tamadun Islam <i>Mohd Nasir Ayub</i>	1-51
BAB 2	Nilai-Nilai Universal Dalam Tamadun Islam <i>Noor Hidayah Kassim</i> <i>Zanirah Mustafa</i>	52-101
BAB 3	Pemikiran Tamadun Islam <i>Salmah Hussin</i>	102-162
BAB 4	Perkembangan Tamadun Islam <i>Ahmad Yumni Abu Bakar</i>	163-221
BAB 5	Islam Di Alam Melayu <i>Mohd Adib Shujja' Ahmad</i>	222-284

Glosari

## **Perincian bab**

---

### **Bab 1: Konsep Tamadun Islam**

Bab ini membicarakan tentang konsep asas dalam tamadun Islam. Menjelaskan definisi tamadun, asas-asas tamadun, sumber tamadun Islam, matlamat tamadun Islam dan ciri-ciri khusus tamadun Islam.

### **Bab 2: Nilai-Nilai Universal Dalam Tamadun Islam**

Bab ini membincangkan persamaan nilai antara tamadun seperti nilai-nilai kepercayaan, kemanusiaan, akhlak, sebagainya. Bab ini juga membicarakan juga faktor interaksi antara tamadun seperti faktor keserasian antara tamadun, peperangan dan sebagainya.

### **Bab 3: Pemikiran Tamadun Islam**

Bab ini membincangkan hirarki ilmu dalam Islam, aspek politik dan pemerintahan, membicarakan tentang aspek pembangunan sosial umat Islam dan juga tentang pembangunan ekonomi umat Islam.

### **Bab 4: Perkembangan Tamadun Islam**

Bab ini membincangkan tentang tamadun Islam di zaman Rasulullah SAW, di zaman Khulafa' Rasyidin, zaman keemasan tamadun Islam seperti kerajaan Umayyah, Abbasiyyah, Andalusia dan juga Uthmaniyah. Perbahasan juga memuatkan isu-isu kontemporari umat Islam.

### **Bab 5: Islam Di Alam Melayu**

Bab ini membahaskan teori kedatangan Islam ke alam Melayu, faktor perkembangan Islam dan pengaruh Islam di alam melayu. Bab ini juga menyentuh tentang tamadun melayu sebagai asas pembinaan tamadun Malaysia dan sebagainya.

## **Prakata**

---

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan selawat salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan berkat hidayah dan inayahNya, penulisan ini dapat disiapkan. Semoga bahan ini dapat dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat. Kandungan buku ini dibahagikan kepada lima bahagian utama iaitu dalam bab pertama memuatkan perbincangan mengenai konsep Tamadun Islam. Manakala di bab yang kedua membicarakan mengenai nilai-nilai universal dalam Tamadun Islam. Bab ketiga membicarakan tentang pemikiran Tamadun Islam. Sementara itu, bab yang keempat menjelaskan tentang perkembangan Tamadun Islam dan dalam bab yang kelima menghuraikan mengenai Islam di Alam Melayu.

Kupasan tajuk-tajuk tersebut amatlah perlu untuk memberikan kefahaman serta keperihatinan kepada mahasiswa khususnya dan kepada masyarakat umumnya mengenai kesyumulan Islam itu sendiri sebagai wadah perpaduan dan model kehidupan manusia sejagat.

Kami mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua panel penulis buku ini kerana bertungkus lumus menyiapkannya. Tidak lupa sekalung penghargaan ditujukan kepada Ketua CITU UiTM Kedah, al-Fadil Ustaz Osman Abd Hamid di atas sokongan yang diberikan kepada panel penulis dalam menyusun buku ini. Diharapkan buku ini akan memberikan manfaat yang berguna kepada para pelajar UiTM dan segenap lapisan masyarakat bagi menelusuri kronologi tamadun dan pemikiran Islam klasik dan kontemporari serta membina kekuatan jati diri umat Islam demi mencapai kecemerlangan sepertimana yang digapai di zaman silam.

Wassalam

**Panel Penulis**

## **Senarai Penyumbang Dan Bidang Kepakaran**

---

**Mohd Nasir Ayub**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Syariah Dan Pemikiran Islam**

**Noor Hidayah Kassim**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Syariah (Fiqh Usul)**

**Zanirah Mustafa, Pensyarah**, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Syariah (Undang-Undang Dan Muamalat)**

**Ahmad Yumni Abu Bakar**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Akidah Dan Pemikiran Islam**

**Salmah Hussin**, Pensyarah Kanan, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah  
**Bidang : Pendidikan Islam**

**Mohd Adib Shujaa' Ahmad**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Syariah Islam**

## **Perincian bab**

---

### **Bab 1: Konsep Tamadun Islam**

Bab ini membicarakan tentang konsep asas dalam tamadun Islam. Menjelaskan definisi tamadun, asas-asas tamadun, sumber tamadun Islam, matlamat tamadun Islam dan ciri-ciri khusus tamadun Islam.

### **Bab 2: Nilai-Nilai Universal Dalam Tamadun Islam**

Bab ini membincangkan persamaan nilai antara tamadun seperti nilai-nilai kepercayaan, kemanusiaan, akhlak, sebagainya. Bab ini juga membicarakan juga faktor interaksi antara tamadun seperti faktor keserasian antara tamadun, peperangan dan sebagainya.

### **Bab 3: Pemikiran Tamadun Islam**

Bab ini membincangkan hirarki ilmu dalam Islam, aspek politik dan pemerintahan, membicarakan tentang aspek pembangunan sosial umat Islam dan juga tentang pembangunan ekonomi umat Islam.

### **Bab 4: Perkembangan Tamadun Islam**

Bab ini membincangkan tentang tamadun Islam di zaman Rasulullah SAW, di zaman Khulafa' Rasyidin, zaman keemasan tamadun Islam seperti kerajaan Umayyah, Abbasiyyah, Andalusia dan juga Uthmaniyah. Perbahasan juga memuatkan isu-isu kontemporari umat Islam.

### **Bab 5: Islam Di Alam Melayu**

Bab ini membahaskan teori kedatangan Islam ke alam Melayu, faktor perkembangan Islam dan pengaruh Islam di alam melayu. Bab ini juga menyentuh tentang tamadun melayu sebagai asas pembinaan tamadun Malaysia dan sebagainya.



## **Prakata**

---

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan selawat salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan berkat hidayah dan inayahNya, penulisan ini dapat disiapkan. Semoga bahan ini dapat dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat. Kandungan buku ini dibahagikan kepada lima bahagian utama iaitu dalam bab pertama memuatkan perbincangan mengenai konsep Tamadun Islam. Manakala di bab yang kedua membicarakan mengenai nilai-nilai universal dalam Tamadun Islam. Bab ketiga membicarakan tentang pemikiran Tamadun Islam. Sementara itu, bab yang keempat menjelaskan tentang perkembangan Tamadun Islam dan dalam bab yang kelima menghuraikan mengenai Islam di Alam Melayu.

Kupasan tajuk-tajuk tersebut amatlah perlu untuk memberikan kefahaman serta keperihatinan kepada mahasiswa khususnya dan kepada masyarakat umumnya mengenai kesyumuluan Islam itu sendiri sebagai wadah perpaduan dan model kehidupan manusia sejagat.

Kami mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua panel penulis buku ini kerana bertungkus lumus menyiapkannya. Tidak lupa sekalung penghargaan ditujukan kepada Ketua CITU UiTM Kedah, al-Fadil Ustaz Osman Abd Hamid di atas sokongan yang diberikan kepada panel penulis dalam menyusun buku ini. Diharapkan buku ini akan memberikan manfaat yang berguna kepada para pelajar UiTM dan segenap lapisan masyarakat bagi menelusuri kronologi tamadun dan pemikiran Islam klasik dan kontemporari serta membina kekuatan jati diri umat Islam demi mencapai kecemerlangan sepertimana yang digapai di zaman silam.

Wassalam

**Panel Penulis**

## **Senarai Penyumbang Dan Bidang Kepakaran**

---

**Mohd Nasir Ayub**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Syariah Dan Pemikiran Islam**

**Noor Hidayah Kassim**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Syariah (Fiqh Usul)**

**Zanirah Mustafa, Pensyarah**, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Syariah (Undang-Undang Dan Muamalat)**

**Ahmad Yumni Abu Bakar**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Akidah Dan Pemikiran Islam**

**Salmah Hussin**, Pensyarah Kanan, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah  
**Bidang : Pendidikan Islam**

**Mohd Adib Shujaa' Ahmad**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Syariah Islam**

## **BAB 1**

---

### **KONSEP TAMADUN ISLAM**

Mohd Nasir Ayub

*“Demi sesungguhnya bagi penduduk Saba’ satu tanda (kemurahan Allah ), terdapat ditempat tinggal mereka dua kebun (yang luas subur) di kiri kanan tempat tinggal mereka, (lalu dikatakan kepada mereka) makanlah rezeki Tuhanmu dan bersyukurlah kepadaNya (atas kurniaan) sebuah negeri yang aman dan makmur serta mendapat keampunan ilahi).”*

(surah Saba’ :15)

#### **1. PENDAHULUAN**

Perkataan tamadun merangkumi kebudayaan, peradaban, kemajuan (kebenaan dan kerohanian) dan sopan santun. Manusia tidak akan mencapai tahap tamadun yang tertinggi seperti yang dicapai dalam ketamadunan Islam sekiranya pembangun-pembangunnya dikalangan mereka yang rendah akhlak dan etikanya. Begitu juga, pembangunan tamadun bukan hanya di nilai dengan kecanggihan produk dan hasilan yang termoden. Ia hendaklah disertakan dengan nilai-nilai kerohanian yang mantap.

Kelangsungan hidup manusia akan lebih lancar dan tersusun kalau ianya dikaitkan dengan ketamadunan. Ibn Khaldun dengan jelas menyatakan dalam *al-Muqaddimah* bahawa manusia secara tabiinya merupakan makhluk yang bertamadun atau makhluk sosial yang saling berinteraksi sesama sendiri dalam pelbagai aspek untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, tamadun dikaitkan dengan kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya. Beliau menampakkan ketamadunan itu adalah

kehidupan manusia seluruhnya. Menurut al-Sirhindi seorang figur Islam tersohor India, hidup bertamadun adalah fitrah dan sifat semulajadi manusia. Jika ditinjau daripada sudut pandangan lain, tamadun boleh dianggap sebagai *sunnah insaniyyah* yang menjelma daripada sifat kreativiti dan inovasi manusia sendiri. Selagi mana manusia meneruskan survivalnya untuk hidup dengan selesa, maju, demi mencukupi segala keperluannya maka selagi itulah proses ketamadunan akan berjalan. Jesteru itu, manusia perlu memilih jalan manakah yang terbaik demi melangsungkan kehidupan di dunia ini dengan penuh kemuliaan di sisi Allah SWT.

Tamadun Islam merupakan segala yang dihasilkan oleh fikiran orang Islam dan juga bukan Islam. Keterbukaan Islam dalam hal ini amat jelas di tunjukkan di zaman kerajaan Islam Abbasiyyah dan Andalus. Khalifah dan sarjana Islam tetap mengiktiraf kehebatan seorang tokoh yang beragama Kristian menerajui Baitul Hikmah sebagai gedung ilmu umat Islam pada zaman tersebut. Semua itu bergerak dan berkembang menurut wataknya dengan panduan agama Islam baik menerusi bangsa Arab, Parsi, sepanyol, Turki, India, China, Melayu dan lain-lain yang membina tamadun Islam bersama-sama dalam pelbagai bidang tanpa mengira sempadan politik, geografi, etnik, kosmologi, ideologi dan sebagainya. Adunan ini berpandukan al-Quran dan al-Hadis sebagai dua sumber induk keilmuwan Islam yang melahirkan elemen tamadun dalam bentuk dan acuan tersendiri, unik dan memberi kerahmatan kepada manusia seluruhnya.

## **1.2 DEFINISI TAMADUN DAN ISTILAH BERKAITAN**

Tamadun Islam difahami oleh sebahagian umat Islam sebagai rantaian sejarah kegemilangan umat Islam lampau, bahan kajian oleh pengkaji-pengkaji dan ahli fikir dunia. Pandangan Barat melihat kehebatan itu melalui kewujudan material yang hebat-hebat dan segala bentuk kebendaan semata-mata tanpa mengambil unsur-unsur spritual sebagai asas pembangunannya. Oleh itu perincian berkaitan istilah tamadun dalam

sudut pandang Islam (*Islamic worldview*) mestilah jelas dan bertepatan dengan matlamat kebangkitan tamadun tersebut.

Disamping itu penyediaan bahan-bahan bacaan yang bermutu bagi menerangkan maksud tamadun dan peradaban serta perbezaannya. Usaha ini dapat mengurangkan kebergantungan maklumat-maklumat dari Barat seterusnya dapat membuka minda umat Islam untuk mengkagumi tamadun dan peradaban Islam dalam lingkungan spritual dan juga material.

Para pengkaji membahagikan tamadun kepada dua pengertian iaitu pengertian yang objektif (unsur material) dan pengertian yang subjektif (unsur keinsanan). Pengertian yang objektif iaitu suatu himpunan fenomena kemajuan dalam bidang kesusasteraan, teknik, keilmuan dan undang-undang yang dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi di dalam suatu masyarakat. Pengertian yang subjektif bermaksud tamadun digambarkan sebagai satu peringkat perkembangan kehidupan yang tinggi, yang berlawanan dengan kehidupan liar atau ganas atau digambarkan kehidupan yang dapat atau hampir dapat mencapai ideal atau bentuk kehidupan yang tinggi yang hendak dicapai. Bentuk ideal kehidupan itu adalah subjektif sifatnya, bergantung kepada masa, tempat dan kepada nilai-nilai yang dianuti.

Pengertian tamadun dan peradaban Islam mempunyai kaitan dari aspek bahasa dan istilah dan secara keseluruhannya dapat dilihat melalui sudut bahasa dan terminologi samada Arab, Inggeris, dan Latin.

Secara umumnya, perkataan tamadun dari sudut etimologi berasal daripada perkataan Arab iaitu '*maddana*' yang merujuk kepada perbuatan membuka bandar atau kota serta perbuatan memperhalus budi pekerti. Daripada perkataan '*maddana*', lahir perkataan '*madani*' yang bermaksud sifat sesuatu yang berkaitan dengan pembangunan perbandaran serta kehalusan budi pekerti yang terpuji. Kedua-kedua perkataan '*maddana*' dan '*madani*' pula berasal daripada perkataan '*din*' yang bermaksud agama, iaitu menggambarkan kehidupan masyarakatnya yang beragama (Mohamad Zuhdi Marzuki, 2006).

Menurut Kamus Dewan (2007), tamadun ditakrifkan sebagai:

*“keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran yang tinggi sama ada dalam aspek sosial, budaya, politik dan sebagainya..”.*

Manakala perkataan peradaban pula ditakrifkan sebagai “keadaan serta tingkat kemajuan suatu bangsa atau masyarakat sama ada dalam kehidupan jasmani dan juga rohani”. (Kamus Dewan. 2007). Antara istilah-istilah yang sering diungkapkan dalam penulisan Islam tentang ketamadunan Islam ialah *hadharah*, *umran*, *madaniyyah* dan juga *tamaddun*.

Ibn Khaldun adalah di antara sarjana Islam yang pertama membahas konsep ketamadunan. Beliau menggunakan istilah ‘*hadarah*’ yang merujuk kepada perbuatan duduk dibandar dan perilaku kehidupan yang tinggi. Ia merupakan lawan daripada ‘*badawah*’ iaitu kehidupan badwi. Beliau juga menggunakan istilah *Umran* yang bermakna pembangunan. Dalam kitabnya *al-Muqaddimah* beliau lebih banyak menggunakan istilah *Umran* yang berasal dari asal kata amara, *ta'mir* yang bermaksud membangun, memajukan, menghidupkan dan memakmurkan (Rasid Muhamad. 1996). Terma “*umran*” digunakan untuk menerangkan sifat-sifat fizikal tamadun ; iaitu kawasan tanah yang didiami secara tetap dan aspek-aspek pembangunan yang wujud di satu-satu kawasan. Oleh itu dapat disimpulkan, terma ‘*umran*’ merujuk kepada maksud pembangunan dan kuantiti penduduk hasil daripada kewujudan tamadun. (Fairuzah Hj. Basri. 2008). Bermula pada kurun ke 20, muncullah perkataan tamadun dan *madaniyyah*. Pemikir Islam seperti Muhammad Abduh menggunakan istilah *madaniyyah*. Ia berasal dari *madinah* yang bermaksud bandar atau kota yang merupakan asas dan tempat perkembangan sesuatu tamadun. Seorang penulis Kristian bernama Jurji Zaidan menggunakan istilah tamadun dalam bukunya *Tarikh al-Tamaddun al-Islami*. Istilah inilah yang telah dimelayukan dan lebih banyak dipakai berbanding perkataan *hadarah*.

Istilah di atas, walaupun rujukan khususnya boleh dibezakan antara satu sama lain disebabkan latar pengalaman, budaya serta pengamatan sarjana yang berlainan, akan tetapi pada umumnya ia merujuk kepada makna yang sama. Semua istilah tersebut secara literalnya bererti maju atau mencapai kemajuan. Makna kemajuan pula sememangnya digunapakai untuk menggambarkan asas kepada ketamadunan manusia sejagat.

Dalam bahasa Inggeris, perkataan *civilization* juga turut digunakan untuk menggambarkan maksud tamadun. Ia mempunyai hubung kait dengan kemajuan dalam kehidupan manusia yang membentuk peradaban dan tamadun. Menurut M.A.J Beg, penggunaan kalimah 'civilization' yang terkenal buat kali pertamanya, terjelma dalam buku-buku Inggeris dalam abad ke-19 (Rasid Muhamad. 1996). Oleh itu, kita boleh menganggap perkataan dan konsep tamadun lahir di Eropah pada abad ke-19. *Civilization* diambil daripada bahasa Latin iaitu *city* atau *civitas*, dengan alasan-alasan berikut (Mohd. Liki Hamid ; 2004) :

- Tiap-tiap tamadun yang agung mempunyai bandar-bandar besar
- Perubahan adalah jelas pertumbuhannya di bandar-bandar besar
- Ciri-ciri asas tamadun manusia mudah ditemui di bandar-bandar

Seperti '*hadarah*' dan peradaban, *civilization* juga membawa maksud yang menekankan penggabungan antara ketinggian budaya dan kemajuan kebendaan. Manakala setiap kemajuan bermula di bandar kerana bandar merupakan pusat kegiatan tamadun yang utama seperti bidang agama, pemerintahan, ekonomi atau pelbagai pusat. Selain itu, di bandar juga semua penduduk dan orang asing bertemu maka ia membantu kerancangan proses urbanisasi sesebuah bandar dan seterusnya tamadun. Bagi menjelaskan lagi maksud tamadun, di sertakan beberapa pentakrifan supaya dapat dibezakan tamadun dari persepsi Islam dan Barat:

a) Arnord Toynbee: Tamadun ialah suatu sistem masyarakat yang dapat membantu manusia menambah hasil pengeluaran atau produktiviti dan ia mempunyai empat elemen iaitu bahan-bahan ekonomi, sistem politik, pengetahuan dan seni.

b) Oswarld Spengler: Tamadun Barat lebih mementingkan kebendaan, kerana kebendaan itu membawa kepada kemajuan.

c) J.K Fieblemen: Tamadun ialah kepandaian mengeksploitasi material oleh masyarakat. Dengan perkataan lain, proses masyarakat ke atas material dengan sendiri menjadikannya barang baru bagi suatu keperluan.

Bagi sarjana Islam, pemahaman mereka terhadap tamadun amat jelas apabila keseluruhan takrifan yang diberi mengambilkira unsur material dan juga spiritual sebagai pembangun tamadun itu sendiri. Antaranya:

a) Ibn Khaldun: Tamadun ialah pencapaian manusia yang sudah melebihi tahap keperluan asasi kehidupan sehingga dapat membuka jalan ke arah pemikiran dan penghasilan daya cipta yang lebih halus dan mempunyai nilai-nilai seni.

b) Prof. Syed Muhammad Naguib al-Attas mengatakan bahawa istilah tamadun berasal dari perkataan al-Din yang merupakan asas tamadun itu sendiri. Tamadun menurut beliau adalah "kehidupan insan yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat".

c) Syed Qutb: Tamadun Islam ialah segala bentuk kemajuan yang dihasilkan oleh sekumpulan masyarakat seperti sistem sosial, pemerintahan, politik, ekonomi, dan kebudayaan yang berteraskan syariat Allah , serta bercirikan nilai-nilai moral Islam.

d) Umar Audah al-Khatib: Tamadun ialah himpunan ilmu pengetahuan, syariat, peraturan tradisi dan moral yang menunjukkan keadaan pemikiran, ekonomi, akhlak, politik, kesenian dan seluruh kehidupan.

e) Muhammad al-Bahiy: Tamadun ialah keseluruhan penghasilan atau produktiviti yang menggambarkan nilai keperibadian manusia sama ada



berbentuk falsafah, pengetahuan, kesenian, politik, kesusasteraan dan sebagainya.

f) Malik Bennabi: Tamadun difahami dalam kedua-dua aspek rohani dan aspek fizikal sahaja. Dalam definisi yang diberikan oleh Malik Bennabi peradaban adalah sejumlah kesatuan daripada perbendaharaan yang bersifat moral dan material yang dapat membawa sebuah masyarakat dan memberikan setiap individu dalam masyarakat tersebut segala keperluan sosialnya untuk kemajuan. Beliau juga menambahkan kemajuan tersebut bukan diukur dalam perkembangan ekonomi dan teknologi, akan tetapi yang lebih penting daripada itu pembangunan moral. Pada pandangan beliau sebuah peradaban adalah hasil penggunaan yang efisien terhadap tiga komponen utama iaitu: manusia+tanah+masa. Akan tetapi ketiga-tiga komponen ini bergantung kepada satu kekuatan dalaman iaitu agama (Fawzia Barium, 1993 dlm Ahmad Mohamad Said. 2003)

g) Abu Bakar Hamzah: Tamadun merupakan suatu yang lahir dan berkembang bersama-sama kehidupan manusia, hasil pemikiran orang Islam berlandaskan *Din al-Islam* dan termasuk semua kebendaan yang digunakan dalam kehidupan mereka.

h) Ali Syariati: Tamadun merangkumi seluruh kehidupan mental dan spiritual manusia.

i) Muhammad Taib al-Najmi: Tamadun Islam merupakan peraturan masyarakat yang dapat membantu manusia menambahkan hasil pengeluaran sama ada dari segi pemikiran atau kebendaan.

Menyorot pandangan beberapa pemikir Islam di atas, terdapat kesepakatan di kalangan mereka tentang tamadun dan peradaban. Dapat disimpulkan bahawa peradaban Islam mempunyai dua asas atau aspek yang penting :

- Aspek rohani dan pemikiran (bukan fizikal) ini meliputi agama, dasar pemikiran, budaya, nilai, adat, warisan, undang-undang, bahasa,

sejarah, dan adab, Aspek ini akan menentukan identiti sesuatu umat dan masyarakat, dan mempengaruhi kekuatan dan keberuntungan sesuatu tamadun.

- Aspek fizikal, dikenali dengan ketamadunan (*al-madaniyyah*) atau menurut Ibn Khaldun *al-'umran* adalah aspek jasmani atau kebendaan daripada peradaban. Ia meliputi pembangunan infrastruktur, kemajuan dari segi produk, pekerjaan, kemahiran dan penghidupan. Aspek ini bersifat universal dan dapat dimiliki oleh mana-mana masyarakat dengan usaha dan daya saing. Oleh sebab itu setiap hasil kemajuan sains dan teknologi menjadi milik masyarakat global.

Konsep tamadun sepatutnya dilihat dari perspektif yang meliputi pencapaian tatasusila dan moral yang tinggi serta kemajuan penempatan dan kemudahan yang sempurna. Jadi tidak timbul penekanan aspek kemajuan kebendaan semata-mata atau penekanan aspek kerohanian semata-mata dan sebagainya. Begitu juga pandangan yang melihat tamadun dalam konteks yang lebih kecil iaitu 'ketamadunan ialah kemajuan'. Jadilah ketamadunan itu dinilai berdasarkan kemajuan teknologi, pemikiran atau sudut pandang luaran semata-mata.

Justeru itu, pengertian tamadun ataupun peradaban Islam dalam bahasa yang lebih mudah, ia merupakan manifestasi kecemerlangan sesebuah masyarakat dalam pelbagai aspek yang merangkumi unsur kerohanian, pemikiran dan kebendaan yang seimbang dan sepadu, yang terkesan secara langsung dari menifestasikan ajaran Islam yang murni.

### **1.3 HUBUNGAN TAMADUN DENGAN AGAMA**

Agama adalah kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat, kekuasaan, penerimaan ajaran dan perintahNya. Melalui fitrah manusia, agama dan kepercayaan bukan sahaja merupakan perkara asas yang wujud dalam diri setiap manusia tetapi juga emnjai suatu keperluan asas hidup manusia.

Bayangkan manusia yang tidak ada pegangan agama dan kepercayaan, bagaimana untuk menyusun kehidupannya, interaksi dgn manusia yang lain dan sebagainya. Sudah pasti wujud kepincangan dalam berinteraksi di antara manusia serta kecelaruan yang berterusan. Maka dengan rahmat Allah SWT yang menurunkan al-Quran yang di dalamnya terkandung seribu hikmah. Hikmah itulah berupa akidah, syariat dan akhlak yang menjadi peraturan hidup manusia seluruhnya. Manusia memerlukan agama kerana fitrah manusia iaitu rasa takut yang membawa kecenderungan untuk mendapatkan keselamatan dan perlindungan daripada Tuhan.

Islam mendefinisikan al-din, iaitu cara hidup yang hidup yang disepadukan dengan aturan Allah dan Rasulnya. Islam meletakkan hubungan yang sangat erat di antara agama dan tamadun. Ia berbeza dengan pandangan Barat yang meletakkan agama sebahagian daripada kebudayaan mereka. Iaitu agama lahir dari aktiviti manusia atau hasil dari interaksi manusia dengan alam sekitar atau ketakutan kepada kuasa ghaib.

Agama sememangnya berperanan dalam membentuk corak ketamadunan sesuatu bangsa. Agama mengajar manusia melaksanakan perkara-perkara positif dalam kehidupan seperti amanah, jujur, hikmah, bertimbangrasi, kerjasama dan sebagainya. Sifat-sifat ini sebatu dalam jiwa pembangun-pembangun sesebuah tamaddun. Kemunculan tamadun-tamadun lampau sebelum ini adalah manifestasi aripa kehidupan beragama atau unsur-unsur keyakinan yang utuh terhadap sesuatu kepercayaan. Tamadun Barat dipengaruhi oleh agama Kristian, tamadun Timur Tengah, Rusia dan China banayak dipengaruhi oleh agama Islam. Manakala tamaun Asia Tengah pula dipengaruhi oleh agama Hindu dan Buddha. Begitu juga, unsur-unsur agama mempengaruhi seluruh aspek kehidupan bangsa tersebut seperti moral, undang-undang, estetika, sains dan sebagainya. (Sazelin Arif et.al. 2007).

Momentum ini telah dinafikan oleh Barat yang berhujah bahawa agama Kristianlah yang membuatkan mereka mundur. Zaman Kegelapan Barat adalah natijah dari kebergantungan kepada agama Kristian. Namun perlu diingat bahawa di belahan Timur, kelahiran tamadun umat Islam adalah hasil daripada manifestasi agama Islam secara syumul. Oleh itu, bangsa Barat telah memisahkan agama dengan kehidupan, lantas membina

ilmu dan kerangka ketamadunannya atas dasar kemanusiaan dan sains moden sejak zaman Renaissance sehingga kini. Mengenai kewujudan hubungan yang erat antara tamadun dan ajaran Islam, R.E. Sullivan menegaskan, “*Moslem Civilization was the prouct of Moslem religion.*” Menurut M. Abduh pula, “*adherence to the Prophets and the guidance of religion provide the basis for every civilization*”.

Kewujuan tamadun yang unggul hasil daripada masyarakatnya yang bertamadun dan maju dalam segenap urusan kehidupan. Walaupun terdapat beberapa perbezaan antara tamadun, setiap tamadun termasuk tamadun Islam sebenarnya memiliki ciri-ciri asas yang sama. Ciri-ciri ini membentuk sistem masyarakat manusia yang dianggap lengkap dan maju. Antara ciri-ciri asas tersebut ialah :

- (a) Kemajuan teknologi
- (b) Sistem pemerintahan dan ekonomi teratur
- (c) Urbanisasi (sistem perbandaran)
- (d) Organisasi sosial yang tersususu
- (e) Sistem kepercayaan dan agama
- (f) Tulisan dan bahasa
- (g) Budaya dan kesenian

Jika dirujuk pada komposisi masyarakat Islam pada zaman Rasulullah SAW maka secara empirikal, terbukti ia telah mencukupi ciri-ciri asas sebuah masyarakat maju dalam kontek suatu tamadun. Entiti masyarakat Madinah layak digelar sebuah tamadun iaitu tamadun Islam manakala masyarakatnya ialah masyarakat *madani* atau *hadhari*. Al-Quran turut menggelarkan masyarakat Islam pada zaman tersebut sebagai *khayra ummah* (umat terbaik) atau dengan istilah yang lain *ummatah wasatan* (ummah pertengahan) yang menjadi teladan kepada seluruh umat Islam terkemudian.

Masyarakat madani (bertamadun) berbeza daripada masyarakat di dalam tamadun-tamadun lain. (Zulkifli Dahalan et.al. 2009). Masyarakat *madani* atau *hadhari* mempunyai ciri dan karakter tersendiri yang terbina di atas asas-asas aqidah, syariah dan akhlak. Aqidah membentuk

kepercayaan jelas dalam minda dan pemikiran masyarakat, iaitu suatu keyakinan mutlak tanpa sebarang keraguan terutamanya tentang isu ketuhanan dan kemakhlukan. Ketuhanan merupakan masalah utama dihadapi manusia. Justeru itu, al-Quran sejak awal-awal lagi menekankan hanya Allah SWT satu-satunya Tuhan yang layak disembah dan ditaati. Tidak ada sekutu bagi Allah dan selain daripadaNya hanyalah makhluk yang Dia ciptakan. Tujuan Allah menciptakan manusia dan semua makhluk lain ialah untuk memperhambakan diri kepadaNya. Hakikat-hakikat ini membentuk suatu worldview kepada manusia bagaimana mereka harus melihat kehidupan ini. Antara implikasinya ialah:

- (a) Pengiktirafan terhadap ketuhanan dan kekuasaan Allah sebagai sumber kuasa, nilai, hukum, ilmu dan juga petunjuk.
- (b) Manusia diberikan akal untuk berfikir, potensi diri untuk bertindak sesuai dengan keupayaannya selaras dengan batas-batas yang Allah tetapkan.
- (c) Manusia makhluk Allah paling istimewa dan terbaik. Kelebihan seseorang dinilai berasaskan taqwa dan iman bukannya rupa paras, keturunan atau harta. Manusia dilahirkan dalam keadaan bersih, suci daripada dosa dan merdeka daripada sebarang bentuk pengkastaan.
- (d) Alam semesta ditundukkan kepada manusia untuk dimanfaatkan secara berhemah bagi merealisasikan misi kekhilafahannya. Tugas membangunkan bumi ini disertai dengan tanggungjawab dan hak tertentu.

Masyarakat madani merupakan masyarakat yang mempunyai sistem hidup teratur, komprehensif dan dinamik. Dalam hal ini sistem hidup mereka ialah syariat Islam yang merangkumi pelbagai aspek seperti kegiatan ibadat, ekonomi, perkahwinan, politik, perundangan, kemasyarakatan, keselamatan dan sebagainya lagi. Sesiapa saja menganut Islam secara tidak langsung sistem kehidupannya akan menyerupai umat Islam yang lain walaupun berbeza keturunan. Tingkah laku semua umat Islam terikat dengan sistem nilai Islam iaitu wajib, sunat, harus, makruh

dan haram. Nilai-nilai ini juga menjadi neraca dalam seluruh kehidupan politik, ekonomi, sosial, kesenian dan sebagainya. Ia merentasi seluruh kegiatan, individu, bermasyarakat dan bernegara. Maka sudah tentu, kemajuan yang bakal dipacu oleh masyarakat seperti ini tidak akan menjurus ke arah elemen yang membahayakan kehidupan manusia dan alam seluruhnya.

Kecanggihan teknologi terkini, bangunan pencakar awan, fasiliti dan infrastruktur berkelas dunia tidak bermakna jika ditadbir oleh manusia haiwani yang rosak moralnya dan bertuankan nafsu. Masyarakat *madani* sememangnya mempunyai budi pekerti mulia yang mempamerkan kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur. Akhlak bertujuan untuk melahirkan manusia yang beradab, sesuai dengan peranannya pihak yang membangunkan peradaban di muka bumi ini.

Sesuatu kemajuan yang dicapai oleh sesebuah masyarakat hanya diiktiraf sebagai tamadun atau peradaban dan dihormati jika masyarakatnya beradab dan memiliki kehalusan tatasusila yang mencerminkan lahiriahnya. Adab menurut huraian al-Attas, ialah disiplin rohani, akli, dan jasmani yang membolehkan seseorang dan masyarakat mengenal dan meletakkan setiap sesuatu pada tempatnya yang betul sehingga menimbulkan keharmonian dan keadilan dalam diri, masyarakat, dan persekitaran. Hasil tertinggi adab ialah mengenali Allah SWT dan meletakkanNya di tempatNya yang wajar dengan melakukan ibadat dan amal soleh pada tahap ihsan. Tahap ihsan ialah tahap di mana seseorang itu beribadat seolah-olah dia melihat Allah SWT dan jikalau tidak pun, seperti Allah melihatnya. Makam ini mengandaikan pemilikan keilmuan dan kerohanian tertinggi yang melakukan sesuatu semata-mata kerana cinta kasihnya akan Allah SWT

Hasilnya lahirlah pelbagai pencapaian tertinggi yang dapat dinikmati oleh manusia seluruhnya selama beberapa abad dalam pelbagai bidang dan institusi seperti kebudayaan, sains dan teknologi, kesenian, persuratan, kemasyarakatan, dan lain-lain lagi yang disebut sebagai “peradaban”. Ketinggian kemajuan ini, sekiranya ditunggangi oleh nafsu serakah pembangunnya, maka jadilah ia sebagai ‘kebiadaban’ dan bukan lagi ‘peradaban’.

Jesteru itu, pembangunan masyarakat Islam hadhari (ciri ketamadun yang tinggi), mestilah mengambilkira asas-asas, dasar dan matlamatnya yang jelas iaitu menggunakan panduan akidah, syariat dan akhlak. Jikalau masyarakat itu mempunyai akidah yang keliru, mengamalkan syariat secara tidak bijaksana, dan memiliki akhlak yang rapuh, yang akan dicapai nanti bukannya masyarakat yang beradab dan bertamadun, akan tetapi masyarakat yang biadab dan haiwani walaupun mempunyai sistem ekonomi dan teknologi tinggi, serta infrastruktur kehidupan kebendaan terancang.

Antara karakter lain masyarakat Islam ialah masyarakat berilmu yang lawannya ialah masyarakat jahiliyyah iaitu masyarakat yang tergelincir daripada landasan kebenaran, dalam kegelapan dan kesesatan, ditegakkan atas dasar nafsu dan kebendaan, gemar melakukan kemungkar, runtuh akhlak. Masyarakat bertamadun ialah masyarakat yang beriman kepada Allah dan laksanakan pengabdian kepada Allah kerana masyarakatnya beriman kepada Allah, memperolehi cahaya petunjuk dan kebenaran dan berada di landasan benar iaitu jalan yang diredhai Allah.

Selain itu masyarakat Islam juga sebuah masyarakat yang diikat dengan hubungan silaturrahim yang kukuh, tersemuai kasih sayang, membuat dan mengambil keputusan secara syura. Mereka juga merupakan *ummatan wasatan* dan menjadi *khayra ummah* iaitu masyarakat terbaik yang diberikan penyaksiannya oleh Allah SWT sendiri.

Akhinya, walaupun Islam meletakkan agama sebagai nadi utama dalam pembinaan tamadun, namun setiap bangsa yang ada tetap mengambil peluang sebagai pembangun tamadun tersebut. Ini kerana tanggungjawab kekhilafahan itu suatu yang akan diuji oleh Allah. Maksudnya manusia yang beriman dan beramal soleh sahaja yang layak membangun tamadun manusia berlandaskan ajaran yang di redhaiNya.

## **1.4 ASAS TAMADUN ISLAM**

Tamadun Islam bangkit dengan kekuatannya yang tersendiri. Oleh kerana kebangkitannya di atas lunas-lunas ajaran agama, maka ia akan berkait rapat dengan matlamat pensyariaan Islam itu sendiri. Oleh itu, tamadun Islam bangkit berdasarkan kepada beberapa asas yang kukuh, iaitu:

### **1.4.1 Akidah**

Akidah merupakan konsep kepercayaan yang akan membentuk iman kepada Allah taala, para rasul, malaikat, kitab, hari akhirat dan Qada' dan qadar. Keyakinan kepada konsep tauhid kepada Allah memberi kesan dalam kehidupan manusia. Zaman nabi Muhammad SAW merupakan zaman kegemilangan tamadun Islam sama ada dalam aspek politik pentadbiran dan ekonomi. Umat Islam pada waktu itu telah berjaya membentuk sebuah kerajaan Islam yang kukuh di kota Madinah berasaskan akidah. Akidah yang mantap membentuk sistem nilai yang menjadi asas ketamadunan itu sendiri. Sistem nilai yang dimaksudkan disini ialah suatu sistem yang mengawal sifat dan bentuk ketamadunan itu sendiri. Ia juga dapat membentuk pemikiran maju dengan mengikis unsur-unsur yang membekukan seperti khurafat dan tahyul. Dengan demikian dapat tauhid dapat membawa manusia kepada kemajuan. Al-Faruqi (1982) menyatakan :

*“Tauhidlah yang memberikan acuan, jatidiri, dan ciri tersendiri kepada tamadun Islam. Ia menyatukan seluruh komponen, lalu menjadikannya suatu kesatuan organik yang bersepadu, harmonis dan saling memperkuat. Itulah yang dinamakan tamadun”*

Kedatangan Islam sebagai agama dan tamadun adalah dengan tujuan untuk dijadikan petunjuk dan pengajaran oleh manusia di dunia ini. Bertitik tolak daripada hakikat ini, Islam menuntut umatnya agar memperkenalkan prinsip-prinsip ajaran Islam yang baik kepada umat manusia. Pada masa yang sama, Islam turut memperakui prinsip “tidak ada



paksaan dalam beragama (surah al-Baqarah : 256). Walaupun orang bukan Islam tidak boleh dipaksa untuk memeluk Islam berdasarkan prinsip tersebut, Islam tetap mempertahankan kesahihan akidah Islam yang dipegang oleh penganutnya. Apabila seseorang itu memeluk Islam ia hendaklah beriman sepenuhnya kepada rukun-rukun iman yang enam dan hendaklah membuktikan keimanannya menerusi kesediaan untuk beriltizam mengamalkan segala tuntutan syariah dan akhlak Islam secara keseluruhannya tanpa bersikap selektif atau hanya menerima aspek-aspek yang menepati citarasanya sahaja. Di sinilah gambarannya tentang kehebatan akidah yang berperanan luas dalam kehidupan manusia.

Akidah Islam tidak memisahkan ilmu pengetahuan dengan agama, juga tidak memisahkan manusia dengan akal mereka. Akidah Islam tidak berbentuk penguasaan perasaan-perasaan manusia yang berbagai dengan menyampingkan keperluan jasmaniah, ia juga tidak mengutamakan peribadi dengan meremehkan masyarakat, bahkan akidah Islam itulah yang mendakap seluruh kehidupan dan segala keperluan hidup manusia ini. (Said Qutb, 1982). Jesteru itu dalam konteks pembangunan sesebuah tamadun, keutuhan akidah dan kepercayaan yang tulus hanya kerana Allah SWT sahaja yang dapat memperkasakan tamadun tersebut seterusnya menukilkan kembali kegemilangan tamadun yang dibina oleh nabi SAW di Madinah pada lebih 1432H yang lalu.

#### **1.4.2 Syariah**

Syariah merupakan himpunan peraturan dan sistem perundangan yang mencakupi pelbagai lapangan hidup. Ia merangkumi ibadah dan muamalah. Ibadah ialah peraturan yang menyusun hubungan manusia dengan Allah melalui amalan dan kewajipan yang menekankan tentang hak Allah SWT sebagai khaliq yang mesti ditaati oleh makhluknya. Muamalat ialah peraturan yang menyangkut perhubungan sesama manusia dari segi hak dan tanggungjawab manusia. Ia meliputi aspek ekonomi, munakahat (nikah kahwin), politik, jenayah dan sebagainya termasuk pemeliharaan terhadap alam sekitar. Aspek syariah dalam tamadun Islam dilihat sebagai

pemangkin kepada keutuhan dan kecemerlangan tamadun seterusnya membezakan tamadun Islam dengan tamadun yang lain.

Dalam hal ini, akidah boleh diibaratkan sebagai sumber inspirasi dalam menggerakkan tamadun, syariah pula adalah penunjuk jalan, penentu kaedah dan pelaksanaan tamadun Islam. Setiap pencapaian di pelbagai bidang dan institusi sama ada di dalam bidang sains dan teknologi mahupun keagamaan akan dibangunkan di atas platform syariah di mana asasnya hendaklah bersumberkan al-Quran dan sunnah manakala aplikasinya mestilah tidak bercanggah dengan matlamat utama syariat untuk menjaga agama, nyawa, keturunan, akal dan harta manusia. Supaya yang terbit daripada tamadun Islam nanti hanyalah hasil kreativiti insani yang memberi manfaat kepada isi alam dan merupakan yang terbaik kepada mereka. Semua pencapaian tamadun Islam dianggap sebagai amal soleh oleh setiap penyumbanganya kerana mereka mengharapkan kebaikan kepada seluruh manusia bukannya kemegahan dan kemasyuran semata-mata. (Zulkifli Dahalan et.al).

Manakala keadilan menjadi prinsip terpenting dalam pelaksanaan syariat Allah . Ia menjadi lambang kesucian agama Islam. Pelaksanaan prinsip keadilan menjadi lambang dan gambaran kerahmatan Allah dalam bermasyarakat dan bernegara. Jadi, akidah dianggap sebagai tunggak dalam perjalanan tamadun Islam manakala syariat pula sebagai penentu kaedah pelaksanaan tersebut sama ada ianya menuju redha Allah atau sebaliknya.

### **1.4.3 Akhlak**

Tamadun Islam bangkit dan diterima pakai oleh seluruh manusia bukan dengan kekerasan, paksaan dan tipu daya yang licik. Tamadun Islam bangkit dengan asas-asas yang saling bergantung antara satu sama lain yakni akidah, syariah dan akhlak yang sifatnya begitu sempurna dan saling melengkapi. Kebangkitan Islam berdasarkan nilai-nilai yang statik, baik buruk, dosa paha, syurga neraka dan sebagainya. Akhlak merupakan mekanisme yang menggerakkan umat Islam menjadi umat yang bertamadun dalam erti kata yang sebenarnya. Imam Al-Ghazali

menyatakan bahawa akhlak ialah “Sifat tertanam dalam jiwa seseorang, yang dengannya lahir perbuatan hasil dari pancaran hati sanubari dalamannya“. Sekiranya tingkah laku seseorang itu indah dan terpuji ia dinamakan akhlak yang baik akan tetapi sekiranya perbuatan atau tingkah laku yang keji ia dinamakan akhlak yang buruk.

Akhlak terhasil dari keimanan yang subur mekar di jiwa kaum muslimin. Iman yang kukuh menewaskan segala ujian dan mehnah yang mendatang. Iman yang kental membentuk sahsiah dan peribadi yang hebat. Iman juga membuahkan akhlak yang terpuji. Oleh sebab itu, masyarakat yang beriman menjadi masyarakat yang memiliki nilai akhlak yang tinggi. Mereka ini yang sepatutnya pendiri tamadun Islam. Jatuh bangkitnya sesebuah tamadun melihat kepada sahsiah rupa diri masyarakatnya yang teruk. Bangkitnya sesebuah organisasi atau institusi yang cemerlang disebabkan anggotanya yang cemerlang dan elok budinya.

Akhlak juga dikaitkan dengan budi. Budiman bermaksud orang yang mempunyai budi bahasa, adab sopan, bersungguh-sungguh dalam perkerjaan, matang, banyak menabur jasa dan bakti dan sebagainya. Manusia yang budiman akan berusaha mengutamakan sifat budiman. Itulah matlamat terakhir daripada tujuan hidupnya. Semakin hampir manusia kepada akhir itu, semakin jauhlah ia daripada sifat kehaiwanan dan sebaliknya. Jika sifat budiman itu kian luntur daripada peribadi seseorang, maka ia semakin hampir kepada sifat kehaiwanan. Walaupun manusia tidak mungkin menyerupai haiwan tetapi sifat-sifat kehaiwanan itu menjadi sifat manusia (Mustafa Hj. Daud, 1995). Oleh itu, manusia yang mencapai taraf ketamadunan yang tinggi akan mengawal setiap tatacara dan perilakunya supaya tidak mewarisi sifat kebinatangan tersebut yang akhirnya membawa kepada keruntuhan tamadun yang dibina.

Iman bukan untuk simpanan hati, akhlak sebagai ukurannya bukan untuk didabik semata-mata, akan tetapi iman dan akhlak itu untuk dinikmati dan dipraktikkan dalam hidup seharian. Jesteru itu, akhlak bolehlah disimpulkan melalui tiga bentuk hubungan, iaitu:

- a) Hubungan dengan Allah SWT. Maka lahirlah sifat sabar, ikhlas, rindukan Allah, mengahayati kehebatanNya, berpada-pada, tahu bersyukur setiap apa yang dikurniakan kepadanya.
- b) Hubungan dengan manusia. Maka lahirlah sifat-sifat sepeprti adil, bermanis muka, bertegur sapa, bertanya khabar, berkasih sayang, mengambil berat dan sebagainya.
- c) Hubungan dengan selain Allah dan manusia. maka lahirlah sifat bertanggungjawab dengan alam sekitar, memahami kehidupan haiwan, kehidupan tumbuh tumbuhan, kitaran alam yang sempurna dan sebagainya. Hubungan ini memerlukan manusia sebagai pemimpin alam ini menjaga dan bertanggungjawab setiap amanahNya dimuka bumi ini. Kerana tugas manusia adalah untuk menjadi khalifah yang direndhai di alam ini.

Nilai yang paling utama dalam kehidupan manusia ialah nilai baik yang akan membentuk akhlak seseorang dan ia tidak ditentukan oleh akal manusia sebaliknya oleh wahyu Allah dan sunnah rasulnya. Nilai yang diketengahkan oleh ajaran Islam lebih sesuai dengan fitrah manusia, dan ia mampu merentasi sempadan masa dan geografi. Jelaslah akhlak Islam berperanan membantu keutuhan sesebuah tamadun dalam rangka manusia melaksanakan amanah sebagai khalifah dimuka bumi.

#### **1.4.4 Ilmu**

Ketamadunan Islam muncul dengan kemunculan agama Islam itu sendiri. Bermula di Mekah dan berkembang di Madinah. Penurunan wahyu pertama berkaitan dengan ilmu (surah al-'Alaq; 1-5) sebenarnya membakar jiwa umat Islam untuk mempertahankan Islam seterusnya menyebarkan ilmu berlandaskan normal-normal agama. Umat Islam disaran untuk menuntut ilmu sebanyak mungkin bukan sahaja untuk memenuhi tanggungjawab sosial sebagai seorang manusia akan tetapi lebih dari itu, iaitu untuk

memertabatkan fitrah semulajadi yang berkeinginan yang amat tinggi untuk mengetahui ‘hakikat akan sesuatu’.

Tamadun Islam berjaya dicipta kerana penghayatan umatnya terhadap budaya ilmu dalam kehidupan seharian. Selain daripada kejayaan melahirkan tenaga-tenaga mahir dan profesional dalam pelbagai bidang yang bersedia membangun seperti Ibnu Sina, Ibnu Rushd, Ibnu Maskawaih, al-Khawarizmi, al-Battani, al-Razi, al-Fazari, Ibnu Hayyan, tamadun Islam juga berjaya melahirkan tokoh-tokoh agama yang teguh pegangan agamanya, pemikiran yang tinggi dan akhlak yang luhur seperti Abu Hanifah, Malik, al-syafie, Ibn Hanbal, al-Ghazzali, al-Farabi, al-Kindi dan sebagainya (Wan Mohd. Nor Wan Daud. 2006).

Ilmu merupakan pelengkap kepada kebijaksanaan manusia dalam melakukan tindakan. Ilmu mengangkat darjat (martabat) kebijaksanaan seseorang diperingkat individu, masyarakat seterusnya memberi impak kepada pembentukan sesuatu tamadun manusia. Ilmu Islam mempunyai ciri-ciri yang tersendiri iaitu ketuhanan, terbuka dan global.

Konsep ilmu dalam tamadun Islam mempunyai kaitan dengan nilai ketuhanan (*rabbani*). Ketuhanan dari segi sumber, penggunaan dan matlamat ilmu. Ketuhanan dari segi sumber bererti segala ilmu yang manusia perolehi berasal dari Allah yang maha Esa samada secara wahyu atau secara tak langsung iaitu melalui penelitian dan kajian terhadap alam semesta. Ini selaras dengan wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah SAW dan ia termaktub di dalam surah *al-'Alaq*: ayat 1 yang memerintahkan manusia supaya mencari ilmu (membaca) dengan nama tuhan yang menciptakan. Ini membuktikan semua ilmu dikaitkan dengan Allah.

Begitu juga, SMN al-Attas turut menyimpulkan bahawa ilmu dalam Islam meliputi pelbagai perkara dan bermaksud al-Quran, Syariah, sunnah, Islam, iman, ilmu kerohanian (ilmu Ladunni), hikmah, makrifat, pemikiran, sains dan pendidikan. Ilmu yang menyeluruh ini pula mestilah disertai dengan ‘makna’, barulah ilmu yang terhasil itu menepati kehendak Islam. Menurut beliau lagi, ‘makna’ bermaksud pengenalan tentang kedudukan sesuatu dalam satu sistem yang berlaku apabila hubungan sesuatu itu dengan perkara lain dalam sistem itu difahami dengan jelas”.

Jelaslah bahawa sesuatu benda atau maklumat, fakta, idea atau konsep sesungguhnya tidak bermakna bagi pemiliknya jika dia tidak dihubungkan, secara betul, dengan perkara benar yang lain dalam sesuatu sistem. Dalam erti kata yang lain, seseorang yang boleh menyimpulkan makna seharusnya mempunyai pemikiran yang analitis dan sintesis yang berdaya cipta. (Wan Mohd Nor. Wan Daud, 1997). Kemampuan yang disebutkan itu menyuburkan lagi tamadun Islam sampai ke hari ini.

Konsep ilmu menurut ciri terbuka iaitu terbuka dalam dua aspek iaitu memperolehi ilmu dan menggunakan ilmu. Ilmu Islam tidak hanya terbatas untuk kegiatan keagamaan semata-mata bahkan untuk kegiatan keduniaan. Dr Yusof Al-Qardawi membahagikan ilmu kepada dua iaitu ilmu berkaitan syariat dan ilmu berkaitan dengan pengurusan pembangunan tamadun manusia. Ilmu berkaitan dengan pengurusan pembangunan tamadun manusia boleh dituntut atau diperolehi dari guru bukan Islam. Akan tetapi ilmu berkaitan syariat hendaklah diambil daripada autoriti yang sah dan pakar yang *faqih*.

Penekanan kepada ilmu pengetahuan sejak awal lagi telah membangkitkan kesedaran tentang pentingnya pembinaan tamadun berasaskan ilmu pengetahuan. Jika kita tinjau sejarah kegemilangan Islam juga berjaya dicipta kerana penghayatannya terhadap budaya ilmu dalam kehidupan mereka. Oleh itu dalam era teknologi dan globalisasi hari ini umat Islam haruslah bersedia untuk memiliki segala kepakaran yang diperlukan untuk mempertingkatkan martabat umat Islam dari mengelakkan amalan kebergantungan pada orang lain.

Merit yang tinggi diberikan oleh Allah SWT kepada mereka yang menuntut, menghayati dan memperjuangkan ilmu. Budaya ilmu dalam Islam juga bukannya bersifat deduktif yang berpaksikan al-Quran, al-Sunnah dan akal yang sihat semata-mata, akan tetapi bersifat induktif yang mementingkan fakta kejadian alam semesta serta pengalaman manusia dalam sejarah atau dalam dirinya. Dalam hal ini, budaya ilmu Islam lebih demokratik berbanding ilmu sekular Barat. Umat Islam yang bersungguh dalam menekuni ilmu asas fardu ain dan ilmu alat, tidak terhalang baginya untuk memperolehi ilmu khusus (ilmu laduni) oleh Allah SWT tanpa menilai warna kulit, paras rupa, keturunan dan sebagainya.

## **1.5 SUMBER-SUMBER TAMADUN ISLAM**

Tamadun Islam berkembang melalui sumber-sumber dan asas-asasnya yang kukuh. Sepertimana keperluan yang mesti ada sebagai seseorang muslim yang sempurna dalam konteks kehidupan bermasyarakat, maka sumber-sumber itulah yang mesti ada dalam pembinaan tamadun Islam. Sumber-sumber tamadun Islam ialah al-Quran, al-Sunnah, ijtihad dan melalui perkongsian pintar dengan tamadun-tamadun lain.

### **1.5.1 Al-Quran**

Al-Quran merupakan mukjizat yang tertinggi yang diwahyukan oleh Allah SWT melalui perantaraan malaikat Jibril a.s. Membacanya dikira sebagai ibadah. Al-Quran merupakan kitab suci yang mengandungi nilai mukjizat yang tinggi samada dari sudut akidah dan syariah, akhlak dan moral, bahasa, nilai keintelektualan, nilai ketamadunan, falsafah yang tinggi, pensejarahan, alam ghaib, fakta-fakta saintifik dan sebagainya, sesuai sepanjang masa dan lengkap. Allah SWT memelihara al-Quran daripada sebarang kecacatan dan pengubahsuaian, walau sudah merentasi zaman dan geografi dan ianya menjadi satu mukjizat tertinggi yang tetap terpelihara hinggalah ke hari kiamat kelak.

Al-Quran telah memberi garis panduan dalam pembinaan tamadun. Tamadun yang diterima dan ditolak oleh Allah dinyatakan dengan jelas. Al-Quran juga menjadi sumber penentuan nilai-nilai dalam tamadun seperti nilai iman dan kufur, makruf dan munkar, nilai yang sangat dituntut (yakni nilai wajib dan nilai sunat) dan yang dikeji (yakni nilai haram dan nilai makruh). Manakala dalam pembinaan masyarakat pula al-Quran menekankan hubungan baik sesama manusia dengan menghormati antara satu sama lain, berbaik sangka, tolong menolong jika ditimpa kesusahan.

Al-Quran memacu ketamadunan manusia agar perlaksanaannya berjalan berdasarkan ajaran yang diredhai Allah SWT. Fungsi manusia sebagai pemakmur alam ini hendaklah dieksploitasi untuk pembangunan alam semaksimanya. Tidak ada kerisauan kepada manusia apabila perancangan yang diatur adalah datangnya dari mereka yang kuat takwanya

kepada Allah SWT . Menurut Ahmad Syalaby, al-Quran mempunyai asas-asas yang kukuh dan sistem yang teguh bagi mendirikan agama, tamadun dan dunia. Beliau menyatakan: (Fairuzah, 2008).

*“Andainya kita dapat menafsirkan asas-asas ini dengan sebaiknya nescaya terbentuklah suatu sistem yang sempurna dan sesuai untuk manusia seluruhnya di pelbagai zaman dan tempat.”*

Cetusan pembinaan tamadun Islam dalam al-Quran lahir daripada gesaan dan seruan agar manusia melakukan penelitian (*al-nazar*) dan penyelidikan terhadap alam dan unsur-unsur kejadian lain serta rahsia-rahsiannya. Al-Quran juga telah memberikan gambaran pengetahuan asas tentang alam dan sains. Berikut beberapa contoh pengetahuan asas tentang alam yang terdapat dalam al-Quran seperti berikut :

- Langit dan bumi pada asalnya satu :

أَوَلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا  
فَفَتَقْنَاهُمَا ۖ وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: “Dan apakah orang-orang yang kafir tidak mengetahui bahwasanya langit dan bumi itu keduanya dahulu adalah suatu yang padu, Kemudian kami pisahkan antara keduanya. dan dari air kami jadikan segala sesuatu yang hidup. Maka mengapakah mereka tiada juga beriman?”

(al-Anbiya’: 30)



- Cakerawala bergerak terapung-apung :

لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي هَآءَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: “(dengan ketentuan Yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing”

(Yaasin : 40)

- Bumi berada dalam keadaan bergerak :

وَتَرَى الْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِيَ تَمُرُّ مَرَّ السَّحَابِ صُغَعَ اللَّهُ الَّذِي اتَّقَنَ كُلَّ شَيْءٍ إِنَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَفْعَلُونَ ﴿٨٨﴾

Maksudnya: “Dan Engkau melihat gunung-ganang, Engkau menyangkanya tetap membeku, padahal ia bergerak cepat seperti bergeraknya awan; (Demikianlah) perbuatan Allah Yang telah membuat tiap - tiap sesuatu Dengan serapi-rapi dan sebaik-baiknya; Sesungguhnya ia amat mendalam pengetahuannya akan apa Yang kamu lakukan”.

(al-Naml : 88)

- Atom adalah benda paling kecil :

وَمَا يَعْزُبُ عَنْ رَبِّكَ مِنْ مِثْقَالِ ذَرَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَلَا أَصْغَرَ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْبَرَ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Dan tidak akan hilang lenyap dari pengetahuan Tuhanmu sesuatu dari sehalus-halus atau seringan-ringan Yang ada di bumi atau di langit, dan tidak ada Yang lebih kecil dari itu dan tidak ada Yang lebih besar, melainkan semuanya tertulis di Dalam Kitab Yang terang nyata”

(Yunus : 61)

- Pokok menghasilkan bahan bakar :

الَّذِي جَعَلَ لَكُم مِّنَ الشَّجَرِ الْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَا أَنتُم مِّنْهُ تُوقِدُونَ

Maksudnya: "Tuhan Yang telah menjadikan api (boleh didapati) dari pohon-pohon Yang hijau basah untuk kegunaan kamu, maka kamu pun selalu menyalakan api dari pohon-pohon itu".

(Yaasin : 80)

- Ketiadaan oksigen dan graviti di ruang angkasa lepas :

وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ، جَعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعْدُ فِي السَّمَاءِ ۚ كَذَلِكَ تَجْعَلُ اللَّهُ الرَّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: “Dan sesiapa Yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya).”

(Al-An'am : 125)

Selain itu, al-Quran juga turut membekalkan pengetahuan asas tentang sains seperti proses kejadian manusia (surah al-Mukminun:12-17), penciptaan makhluk secara berpasangan (surah al-Dzaariyat:49), peringkat-peringkat kehidupan manusia (surah al-Rum: 54) dan sebagainya (Ahmad Zaki Berahim et.al, 2006).

Banyak saranan dan garis panduan yang berguna dalam al-Quran dalam usaha membangunkan tamadun ummah. Sesuai dengan sifatnya yang kekal dan relevan sepanjang zaman, al-Quran hanya menggariskan prinsip-prinsip pembinaan peradaban Islam secara umum yang mana dari segi teknikal dan bentuk pelaksanaannya, diserahkan kepada kebijaksanaan umat Islam. Ia merupakan rahmat kepada manusia untuk berkreaitivi dan berinovasi dalam membangunkan peradaban mengikut acuan sendiri. Mereka dibenarkan berjihad mencari kaedah dan langkah terbaik untuk membangunkan peradaban Islam sesuai dengan keperluan dan peredaran zaman dan tempat. Apa yang penting, pembangunan peradaban Islam hendaklah tidak tersasar daripada prinsip-prinsip al-Quran seperti syura, keadilan, persamaan, kebebasan, pelaksanaan perundangan Islam, amar makruf nahi mungkar. Syura misalnya menjadi prinsip pemerintahan Islam yang wajib diikuti akan tetapi pemerintah tidak terikat dengan bentuk dan pendekatan yang pernah dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW dan juga zaman *Khulafa' Rashidin*. Pada hari ini, mekanisme yang dipraktik dalam membuat keputusan berhubung hal kenegaraan, seperti perbahasan di parlimen, dewan rakyat dan sebagainya dengan matlamat membolehkan semua wakil-wakil rakyat berbahas mengenai setiap isu dan mengkritik dasar-dasar kerajaan, pada asasnya diterima oleh Islam. Walaupun asalnya bermula dalam demokrasi Barat, tetapi dari segi tujuannya iaitu membolehkan penglibatan semua rakyat dalam membuat sesuatu keputusan, sangat menepati semangat syura Islam. Justeru peradaban Islam menerima kebaikan sistem berkenaan sekiranya dapat memperkemaskan lagi aspek perlaksanaannya dalam institusi politik Malaysia kini.

## **1.5.2 Sunnah**

Al-Sunnah ditakrifkan sebagai segala apa yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan dan pengakuan serta sifat atau akhlak dan riwayat hidup baginda sebelum dan sesudah dilantik menjadi Rasul. Al-Sunnah menjadi sumber kedua kepada kebangkitan tamadun Islam. Segala arahan, perintah dan tabiat Rasulullah SAW menjadi model ke arah memertabatkan ummah di persada alam. Manakala amalan nabi SAW merupakan bisikan daripada Allah SWT Nabi tidak berkata kecuali apa yang diwahyukan kepadanya.

Semasa di zaman Rasulullah SAW, bandar Madinah menjadi model kepada kebangkitan tamadun Islam. Rasulullah SAW telah menunjukkan pelaksanaan syura dalam kerajaan, keadilan undang-undang, layanan terhadap keperluan rakyat termasuk golongan bukan Islam, menjalinkan hubungan diplomasi dengan kerajaan dan peradaban luar, pentadbiran kewangan dan penjana ekonomi Madinah, peningkatan tahap keselamatan awam, dan pemeraksanaan institusi pendidikan adalah merupakan contoh penting dalam pembinaan tamadun.

Sunnah ataupun hadis merupakan sumber yang wajib diterima dan mempunyai autoriti sama seperti al-Quran. Sunnah bertindak sebagai pentafsir atau penjelas yang paling autentik mengenai kandungan al-Quran. Dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi ummah, terdapat banyak nas-nas yang dalam al-Quran telah pun dihuraikan oleh sunnah Rasulullah SAW. Para ulama menyatakan sesiapa yang menolak autoriti sunnah adalah kafir kerana kefahaman Islam keseluruhannya tidak sempurna tanpa merujuk kepada sunnah.

Buktinya sunnah Rasulullah SAW teragung ialah menubuhkan sebuah negara Islam yang menjadi platform kepada pelaksanaan syariat Islam. Baginda SAW turut menyediakan panduan dan landasan bertindak kepada para pemimpin selepasnya. Baginda merupakan seorang ketua negara, penggubal undang-undang serta seorang hakim yang menyelesaikan segala pertikaian yang berlaku. Segala rekod pentadbiran negara dan pentadbiran urusan awam pada zaman Baginda telah dicatatkan

oleh beberapa tokoh ulama' seperti Ibnu Furhun, Ibn al-Qayyim dan 'Ala al-Din al-Tarabulsi.

Di dalam kitab *Tabsirat al-Hukkam*, Ibn Furhun cuba menyingkap bentuk pemerintahan Rasulullah SAW dari pelbagai dimensi. Beliau mengemukakan beberapa sampel kes menunjukkan kepemimpinan politik Baginda SAW di Madinah seperti berikut (Ibn Farhun, 1995) ;

- a) Pernah menahan sekutu pihak musuh Islam sebagai tebusan untuk membebaskan tentera Islam yang ditahan pihak musuh.
- b) Baginda juga dilaporkan pernah menggunakan pendekatan Siasah Syar'iyah dengan memenjarakan seorang lelaki yang disyaki menjadi pengintip kepada musuh Islam sewaktu perang.

Dalam konteks pembangunan peradaban, begitu banyak hadis atau sunnah menjadi sumber penting kerana mempamerkan kepada kita, kaedah dan pendekatan Nabi Muhammad SAW dan juga para sahabat melaksanakan keseluruhan agama Islam dengan mengambilkira kemampuan pada waktu itu dari segi perhubungan komunikasi, sistem maklumat, kecanggihan teknologi, termasuk tahap pendidikan, realiti sosial, budaya dan juga politik pada waktu itu. Sunnah bersifat ketamadunan ini memberikan panduan kepada kita untuk berinteraksi dengan proses peredaran zaman supaya tamadun yang ditekuni itu tidak bersifat kaku, jumud dan ketinggalan.

Segala perlaksanaan amalan Islam itu bergerak selari dan tunduk kepada landasan sunnah nabi SAW . Ianya menjadi tauladan terbaik untuk ditekuni oleh umat Islam kini. Hal ini termasuklah aspek bermasyarakat, berekonomi, pembinaan agama dan bangsa, hubungan antarabangsa dan sebagainya.

### **1.5.3 Ijtihad**

Ijtihad bermaksud usaha, kreativiti dan juga inovasi para ilmuan dan pemikir Islam dalam menangani keperluan umat Islam terutamanya dalam

bidang-bidang berkaitan dengan kemajuan sains dan teknologi dan juga pembangunan sosial. Ia juga diambilkira sebagai sumber tamadun. Bagi persoalan-persoalan baru yang tidak ada hukumnya dalam al-Quran dan al-Sunnah, umat Islam hendaklah berijtihad untuk menentukan sesuatu hukum. Allah telah menunjukkan cara untuk menyelesaikan masalah. Contohnya, para mujtahidin mengambil mekanismem Qias, yakni meletakkan hukum ke atas sesuatu perkara yang masih belum ada hukumnya berdasarkan perkara yang telah jelashukumny dalam al-Quran dan sunnah berdasarkan persamaan dari segi sebab dan alasan. Sebagai contoh, meletakkan hukum wajib zakat pada padi disebabkan persamaan antara padi dan gandum dari segi makanan asasi penduduk di negara berkenaan. Antara dalil yang menjadi sumber hukum ialah firman Allah yang bermaksud:

فَاعْتَبِرُوا يَا أُولِيَ الْأَبْصَارِ ﴿١٠١﴾

Maksudnya: “Maka ambillah (Kejadian itu) untuk menjadi pelajaran, Hai orang-orang yang mempunyai wawasan”.

Bermula dengan urusan untuk menyelesaikan masalah hukum hakam, ijtihad berkembang kepada konsep mentadbir, berekonomi, bermasyarakat dan sebagainya. Dalam kontek perkembangan tamadun, penggunaan ijtihad telah pun meluas bagi memberikan kekuatan baru umat Islam untuk lebih maju ke hadapan.

Rasulullah SAW membuka ruang yang luas kepada umat Islam untuk menerokai bidang kehidupan duniawi khususnya bidang sains dan teknologi melalui berijtihad. sabda Baginda bermaksud : “*Kamu lebih mengetahui tentang urusan dunia kamu*”. Justeru itu, ijtihad yang bermaksud sikap bersungguh-sungguh untuk mengetahui, memahami dan menghasilkan penemuan terkini dalam pelbagai disiplin demi meningkatkan kualiti hidup yang bermakna, merupakan instrumen yang menghasilkan pencapaian tamadun Islam dalam bidang sains sosial dan sains tulen di seluruh wilayah Islam. Keunggulan tamadun Islam di kota-kota besar seperti Baghdad, Kufah, Kaherah, Qayrawan, Granada, Toledo, Kepulauan Sicily, adalah hasil ijtihad yang kreatifif dan inovatif para

ilmuan Islam yang turut menyumbang kepada dunia seluruhnya. Pengaliran idea kefalsafahan Ibnu Ruysd misalnya menyumbang kepada gelombang *renaissance* di Eropah. Pada masa yang sama, pencapaian dari segi teknikal di bidang biologi, perubatan, mekanikal, kosmologi, astronomi, metamatik, fizik dan seumpamanya banyak memberikan inspirasi kepada perkembangan sains moden di dunia Barat.

Peranan ijtihad dalam pembangunan tamadun Islam boleh dilihat sebagai contohnya dalam pemeraksanaan institusi politik yang mendokong peradaban Islam. Hasil penelitian nas-nas yang berkaitan dengan politik menunjukkan bahawa al-Quran dan sunnah pada dasarnya hanya menggariskan prinsip dan dasar umum politik seperti amalan syura, mentaati pemimpin, keadilan, kesamaan, kebebasan, misi menyeru kepada *al-makruf* dan mencegah kemungkar. Semua prinsip itu disebut dalam al-Quran tanpa diperincikan akan cara dan bentuk aplikasinya. Ternyata dalam hal teknikal seperti ini, Islam bersikap fleksibel dengan memberikan ruang kepada umat Islam untuk memikirkan sendiri pendekatan yang sesuai dengan mereka. Sifat ini sesuai dengan ciri universal Islam sebagai panduan kehidupan di sepanjang zaman.

Islam tidak pernah menetapkan secara rigid bentuk kerajaan dan sistem politik atau melarang usaha adaptasi sistem politik tamadun luar yang baik kepada umatnya. Umat Islam dibolehkan mencari bentuk kerajaan terbaik dan sistem politik yang sesuai untuk melaksanakan segala dasar politik dan perundangan Islam dengan mengambilkira realiti politik semasa dan juga kepentingan masyarakat pada waktu ini. Kerana itulah, kita berpandangan sebahagian besar pandangan (ijtihad) para fuqaha' silam dan praktik politik khulafa' terdahulu tidak mengikat umat Islam hari ini untuk mematuhi secara mutlak. Kesemua itu hanyalah suatu ijtihad atau praktik politik lokal yang tentunya sesuai dengan keperluan masyarakat pada waktu itu. Ijtihad ulama silam tidak lain hanyalah usaha murni mereka pada masa itu untuk menerapkan dasar-dasar politik Islam yang disyariatkan. Walaupun begitu, ijtihad tersebut masih bernilai untuk menunjukkan jalan kepada kita untuk berjihad semula. (Mohd. Hapiz Mahaiyadin, 2003 dlm Ahmad Mohamad Said. 2003)

Ijtihad berlaku untuk memudahkan urusan umat Islam. Inilah gambaran keunikan tamadun Islam yang bersifat tetap dari segi asas tetapi anjal dari segi perlaksanaannya. Melalui keanjalan pelaksanaan tersebut, kaedah ijtihad telah menyelesaikan banyak permasalahan umat Islam sama ada berkaitan dengan sosial, ekonomi dan politik umat Islam.

#### **1.5.4 Warisan tamadun-tamadun asing**

Kewujudan tamadun-tamadun asing menguatkan lagi tamadun Islam itu sendiri. Islam tidaklah *rigid* dengan ilmu-ilmu dan peradaban yang wujud dikalangan bangsa-bangsa lain atau kemajuan yang dihasilkan oleh tamadun yang luar dari tamadun Islam. Bahkan Islam membolehkan penganutnya mempelajari ilmu-ilmu dan kemajuan yang dicapai oleh tamadun-tamadun tersebut. Islam juga tidak menolak sumber-sumber yang datang daripada tamadun lain yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Islam bersifat terbuka pada semua tamadun, dan tidak menolak kebaikan yang dihasilkan oleh tamadun-tamadun lain. Hal ini dapat dilihat dengan jelas misalnya apabila Islam datang ke masyarakat Arab mereka dapat menerima nilai-nilai baik masyarakat yang tidak bertentangan dengan syariatnya.

Umat Islam mengambil peninggalan tamadun-tamadun terdahulu seperti tamadun Greek, Parsi, India dan China sebagai salah satu sumber tamadunnya. Warisan tamadun Greek menjadi sumber tamadun Islam apabila banyak karya-karya saintifik daripada tamadun ini diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dan digunakan oleh masyarakat dalam tamadun Islam. Antara buku yang diterjemahkan ialah *Megale Syntaxiz Mathematike*, *Talulae Manuals*, *Hypotheses Planetarum*, *Planispherium*, *Tetrabiblos*, *Historia Animalium*, *Timaeos* dan *De Theriacca Ad Pisonem*. Selain itu, warisan tamadun Greek menjadi perhatian tamadun Islam selepas tentera Islam pimpinan Amru Ibn al-‘As berjaya membuka kota Alexandria di Mesir pada tahun 641 M. Sebelum itu, kota tersebut merupakan pusat berkembangnya pemikiran dan falsafah Greek.

Sumbangan tamadun India kepada tamadun Islam berlaku menerusi pengaliran masuk tradisi saintifiknya terutama bidang matematik,



astronomi dan perubatan. Penerapan ini berlaku melalui kerajaan Sasan di Parsi dan kehadiran para ilmuannya ke pusat-pusat keintelektualan Islam atas jemputan para khalifah. Warisan intelektual India banyak tertuang dalam penulisan tokoh Islam seperti al-Biruni dalam abad ke-5H/11 M dan selepas itu karya Amir Khusraw. Antara teks asas matematik dan astronomi India yang diterjemah ialah *Brahmasputasiddhanta* oleh Brahmagupta dan beberapa karya perubatan khususnya yang berkaitan dengan dadah dan racun.

Tamadun Islam turut menerima warisan tamadun Parsi apabila memindahkan banyak bidang sains. Semasa pemerintahan kerajaan Sasan, Jundishapur dijadikan pusat pengajian yang mengumpulkan ramai para cendekiawan. Selepas kejatuhan Sasan, ia muncul sebagai pusat intelektual terpenting di Asia Barat, terutama dalam bidang perubatan. Pusat pengajian di sana juga memainkan beberapa peranan; pertama, sebagai penghubung antara sains Islam dengan tamadun lama dunia. Kedua, sebahagian warisan Greek yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Pahlavi dan Syiria diajar di sana dan ketiga, memindahkan sains India khususnya perubatan, astronomi dan sejarah ke dalam tamadun Islam. Selain bidang perubatan, orang Parsi juga menekuni bidang astronomi dan farmakologi serta menghasilkan penemuan-penemuan penting dalam bidang tersebut. Antara karya saintifik Parsi yang dipindahkan ke tamadun Islam ialah *Royal Astronomical Tables (zij-i shahriyar)*. Karya di bidang sejarah ialah *Kalilah wa Dimnah* yang diterjemah daripada bahasa sankrit ke bahasa Pahlavi dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh Ibn al-Muqaffa'. Buku ini kemudiannya menjadi karya agung dalam kesusasteraan Arab dan sumber sejarah tabii kepada orang Islam.

Warisan tamadun Cina pula muncul selepas serangan kaum Tatar ke atas tamadun Islam di Baghdad. Teknologi China dibawa ke tamadun Islam dan dari sana diperkenalkan ke dunia Eropah. Teknologi membuat kertas merupakan contoh paling menonjol kerana tawanan Cina telah mengajar orang Arab mengenainya. Teknologi ini disebar dari Samarkand ke Baghdad dan damascus, ke Mesir dan Morocco dan akhirnya ke Andalusia (sepanyol) pada kurun ke-10M. Empat ciptaan agung Cina yang penting, iaitu penghasilan kertas, kompas, bahan letupan dan

percetakan juga diperkenalkan ke tamadun Islam dan seterusnya ke Eropah.(Zulkipli Dahalan et.al).

Jelaslah kepada kita bahawa Islam tidak menyekat kemajuan yang dibawa oleh tamadun-tamadun asing. Bahkan Islam menyarankan agar segala ilmu atau hikmah yang bergemerlapan diserata dunia itu dikongsi untuk pembangunan kemanusiaan generasi kesetrusnya. Hikmah atau kebijaksanaan itu adalah peninggalan umat Islam, ambillah di mana sahaja ia berada. Dalam era globalisasi kini, maka pencarian ilmu oleh sebahagian pelajar Malaysia ke Jepun, Amerika, Rusia dan sebagainya dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan adalah wajar disebabkan perkongsian ilmu dan keuniversalan tamadun itu sendiri yang dikongsi bersama.

## **1.6 MATLAMAT TAMADUN ISLAM**

Tamadun Islam bergerak sebagai merealisasikan maqasid syariat itu sendiri. Oleh itu, untuk mencapai matlamat tamadun Islam beberapa ciri yang bersifat alat diperlukan sebagai bukti keunggulan tamadun tersebut. (Amir A. Rahman. 1991). Namun harus diingat, bukti keduniaan bukanlah suatu yang utama kepada ketamadunan Islam yang direndah Allah SWT . Antara bukti keduniaan tersebut ialah:

- (a) Penggunaan tulisan: Ia mempercepatkan proses penyebaran kebudayaan Islam seterusnya mempergiatkan perkembangan ilmu yang memberi kesan terhadap perubahan seluruh kehidupan kaum muslimin.
- (b) Wujudnya bangunan-bangunan bersejarah yang menjadi keagungan bagi generasi berikutnya seperti kota-kota, istana, masjid dan sebagainya.
- (c) Kemunculan kota-kota bagi menampung pertambahan penduduk yang sedia ada.
- (d) Wujud ketidakseragaman jenis bangsa yang memeluk Islam, dengan membentuk sebuah masyarakat Islam yang memainkan pelbagai peranan. Perbezaan peranan ini melahirkan

pembahagian kerja dan seterusnya wujudlah suatu bentuk ekonomi bandar.

Tamadun Islam merupakan manifestasi daripada kefahaman dan penghayatan umatnya terhadap seluruh ajaran Islam. Justeru untuk menafikan kesan Islam terhadap pembentukan tamadun dan peradaban Islam adalah suatu tindakan salah. Tamadun Islam sememangnya berkongsi matlamat yang sama dengan *Din al-Islam* dari segi membawa misi rahmat ke seluruh alam. Tamadun Islam bergerak ke arah merealisasikan matlamatnya yang boleh dibahagikan kepada dua; matlamat primer (utama) dan matlamat sekunder (sampingan).

Matlamat utama tamadun Islam ialah untuk mengangkat Islam sebagai *al-din* iaitu satu cara hidup yang lengkap dan komprehensif. Tamadun Islam menyediakan ruang yang kondusif kepada umat Islam untuk melaksanakan seluruh ajaran Islam yang berkaitan dengan syariat dalam pelbagai aspek merangkumi ibadat, munakahat, muamalat, jinayat, kenegaraan dan kehakiman. Bagaimana semua praktik syariat tersebut mampu diterjemahkan oleh tamadun Islam daripada berbentuk nilai, norma dan fakta kepada bentuk institusi, disiplin, peraturan, undang-undang dan budaya sejagat. Umpamanya tamadun Islam memaparkan keadilan sistem pemerintahan Islam yang pernah ditegakkan pada zaman Rasulullah. Ciri-ciri ketamadunan Islam yang telah dipaparkan melalui sistem pemerintahan Islam dari pelbagai zaman sewajarnya difahami dan dihayati oleh semua generasi.

Tamadun Islam berjaya membangunkan institusi politik yang menjalankan pemerintahan negara, pembuatan dasar kerajaan, menegakkan prinsip-prinsip asasi anjuran Islam seperti keadilan, kebebasan, kesamaan, syura, melancarkan operasi jihad dan menguatkuasakan undang-undang. Tertegaknya institusi Baitul Mal untuk menguruskan sumber kewangan, pendapatan dan perbelanjaan negara, pungutan zakat dan cukai, dan institusi kehakiman pula berjaya mengembalikan hak golongan yang lemah dan mengekang pengaruh golongan berada, melaksanakan keadilan undang-undang, memantapkan sistem percicaraan, pendakwaan dan penghakiman. Dengan cara ini, manusia sekalian dapat menyaksikan

keunggulan Islam sebagai *a way of life* dengan lebih realistik di mana ia bukan sekadar slogan dan retorik tetapi telah menjelma dalam bentuk fizikal yang boleh dirasai sepanjang masa.

Matlamat khusus tamadun Islam ialah untuk menjalinkan hubungan manusia dengan Allah pencipta alam disamping untuk mewujudkan hubungan yang baik sesama manusia serta hubungan baik manusia dengan alam sejagat.

### **1.6.1 Menjaga Hubungan Manusia Dengan Allah Pencipta Alam**

Islam tidak menentukan bahawa pemikiran manusia hanya terhad sekadar untuk memikirkan tentang alam semata-mata. Ia menyuruh manusia berfikir lebih jauh daripada itu dengan menumpukan pemikiran kepada Allah pencipta alam. Islam menyeru penganutnya agar menghidupkan rasa perhubungan dengan penciptanya kerana Allah yang memudahkan dan mengurniakan kepada ahli fikir untuk mencipta pelbagai ciptaan dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan dan manfaat manusia sejagat.

Hubungan dengan pencipta merupakan matlamat terpenting dan terakhir untuk dituju dalam kehidupan. Perhubungan dengan Allah adalah setinggi-tinggi martabat perhubungan yang melahirkan satu kenikmatan tidak terhingga kepada jiwa yang bersih dan suci. Hakikatnya, kesan murni dan eratnya hubungan dengan Allah akan mempengaruhi lain-lain perhubungan manusia sama ada sesama sendiri atau dengan alam sejagat.

فَلْ إِنْ كَانَ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ  
وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسْكَنٌ تَرْضَوْنَهَا

أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى  
يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “Katakanlah: "Jika bapa-bapa , anak-anak , saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khawatiri kerugiannya, dan tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai dari Allah dan RasulNya dan dari berjihad di jalan nya, Maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusanNYA". dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik.

(al-Taubah : 24)

Oleh sebab itu, hubungan dengan Allah adalah suatu ikatan yang unik dan tidak menyamai perhubungan dengan yang lain. Ia bersifat ubudiah. Sebagai contoh, hubungan dengan para Rasul adalah sebagai hubungan mengambil petunjuk dan teladan daripada tingkahlaku mereka, mencintai sifat-sifat Rasul dan sebagainya tetapi bukan dengan ikatan kehambaan seperti dengan hubungan dengan Allah SWT Bagaimana memperhambakan diri kepada Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul sedangkan mereka juga adalah hamba Allah Yang Esa. Firman Allah SWT :

إِنَّ هُوَ إِلَّا عَبْدٌ أَنْعَمْنَا عَلَيْهِ وَجَعَلْنَاهُ مَثَلًا لِّبَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Isa tidak lain hanyalah seorang hamba yang Kami berikan kepadanya nikmat (kenabian) dan kami jadikan dia sebagai tanda bukti (kekuasaan Allah) untuk Bani Israil”

Hubungan antara manusia dengan Allah SWT melahirkan beberapa implikasi antaranya ;

- a. Pengiktirafan terhadap keagungan pemerintahannya dan membesarkan kekuasaannya. Ianya termasuklah sikap mengagung dan mengesakan Allah serta khusuk dan reda terhadap ketentuannya dalam segala aktiviti dunia dan akhirat.
- b. Pengiktirafan terhadap nikmat-nikmat Allah SWT Ia merupakan kewajiban manusia sebagai hamba yang taat dan patuh akan perintahnya. Sebagai cara mengenang budi dan jasa setelah menikmati nikmat yang tidak terhingga. Oleh itu selayaknya sebagai hamba menunaikan segala tanggungjawab itu dengan penuh keikhlasan dan setinggi pengharapan kepadanya.
- c. Meluahkan rasa kebertanggungjawaban. Iaitu rasa tanggungjawab kepada Allah yang memegang hayat setiap hamba, mengingini tujuan hidup setiap hambanya dengan Qudrat dan IradahNya.
- d. Melahirkan kecintaan dan kerinduan kepada Allah SWT. Mencari cinta hakiki yang menemukan hamba dengan Tuhannya. Cinta dan kasih kepadanya adalah sumber kepada kecintaan kepada yang lain. Allah amat menyukai muslim yang mencintai muslim yang lain berlandaskan sumber kecintaan kepada Allah.
- e. Mengharapkan rahmat Allah SWT. Menyedari bahawa setiap nikmat yang dikurniakan kepada hamba merupakan sedikit sahaja daripada nikmat-nikmat Allah yang banyak. Hamba hanya menagih belas ehsan Allah sahaja. Jadi tidak perlu ada pada hamba sifat kedekut, riyak, bangga diri dan sebagainya.
- f. Penumpuan segala doa dan pengharapan hanya kepada Allah SWT. Memohon hanyalah kepada Allah, ini kerana selain daripada Allah SWT, semuanya adalah lemah dan tidak berdaya memenuhi impian setiap hamba. Oleh itu, mencari, memohon sesuatu selain dari Allah adalah salah, menghina daerta menjatuhkan ketinggian dan kemuliaan Allah SWT.

Apabila hubungan manusia dengan Allah SWT berlaku secara baik, maka hubungan manusia sesama manusia dan juga hubungan manusia dengan alam juga akan berlaku dengan baik. Unsur akidah yang memegang suasana kebaikan yang ditampilkan ini adalah menepati tuntutan syariat yang sebenar.

### **1.6.2 Menjaga Hubungan Baik Sesama Manusia**

Masyarakat Islam ialah suatu masyarakat yang universal. Iaitu tidak racial, tidak bersifat nasionalis, tidak hanya untuk segelintir bangsa dan budaya. Ia terbuka kepada seluruh manusia yang inginkan petunjuk dan hidayahNya.

Umat Islam adalah umat yang satu. Mereka tidak disempitkan oleh sempadan geografi dan politik. Dalam tamadun Islam, semua manusia ditanamkan kesedaran mereka berasal daripada keturunan yang satu iaitu Adam a.s. dan Adam pula berasal daripada tanah. Tiada apa asas boleh digunakan untuk seseorang itu berbangga diri dan menghina orang lain kerana yang menjadi ukuran bagi kemuliaan seseorang itu ialah darjat ketaqwaannya di sisi Allah dan yang menilai taqwa tersebut hanya Allah.

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “*Hai manusia, Sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.*”

(al-Hujurat : 13)

Rasulullah SAW juga menekankan kepada kekuatan sesama muslim. Ia diibaratkan seperti sebuah bangunan yang kukuh. Hadis nabi yang bermaksud:

*“Orang mukmin itu dengan mukmin yang lain adalah laksana satu bangunan, bangunan yang satu menguatkan bahagian yang lain”.*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Islam menolak sebarang bentuk penindasan, diskriminasi terhadap etnik tertentu, perhambaan sesama manusia dan sebagainya. Dasar ini turut merangkumi perhubungan umat Islam dengan masyarakat bukan Islam. Golongan bukan Islam diiktirafkan kemuliaan insaninya dan diakui haknya sebagai sebahagian masyarakat tamadun Islam. Mereka dilayan dengan adil dan mereka juga berpeluang menyumbang kepada pembinaan tamadun Islam dengan kelebihan yang mereka ada. Sumbangan mereka juga tidak sedikit terutamanya dalam aktiviti penterjemahan ilmu-ilmu asing dalam bidang sains dan teknologi. Mereka juga terlibat dalam sektor pentadbiran kerajaan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) karena Allah , menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, karena adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah , sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”*

(surah al-Maidah : 8)

Islam melihat kepelbagaian dan perbezaan bangsa, warna kulit dan bahasa sebagai tanda kekuasaan Allah dan dorongan untuk saling mengenali dan memahami antara satu sarna lain. Kepelbagaian tersebut tidak sepatutnya menjadi pendorong kepada peimusuhan dan kecenderungan untuk



membangga-banggakan kaum, bangsa, dan kelompok sendiri. Kecenderungan seperti ini hanya akan mengakibatkan kebencian antara umat manusia. Tamadun Islam tidak mengenal istilah *syabullah al-mukhtar* (bangsa Tuhan terpilih), seperti yang wujud pada bangsa Yahudi dan diikuti pula oleh Mousellini dan Hitler. Islam adalah agama kedamaian, ketenteraman dan ketenangan. Islam adalah agama yang cukup toleran terhadap agama-agama lain. Ia tidak seperti agama Yahudi yang menganggap penganut agama lain adalah musuh yang mesti diperangi dan dihapuskan, ataupun mengkategorikan bangsa lain sebagai bangsa yang rendah dan hina (Isma'il Raji al-Faruqi, 1998).

Dalam Islam wujud peranan atau tanggungjawab yang berbeza antara muslim dengan bukan Muslim. Dengan itu Islam mewajibkan kepada pemerintah Islam agar menjaga kepentingan bukan Islam dengan seadil-adilnya disamping perlu juga menjaga kebajikan orang Islam. Kezaliman, kekerasan dan penganiyaan sesama manusia tanpa mengira orang Islam atau bukan Islam ditolak dengan keras menurut ajaran Islam. Jesteru itu, idea diskriminasi ras sudah tidak digunakan lagi setelah datangnya nur Islam. Masyarakat Islam di zaman rasulullah lagi telah menghapuskan unsur ini dan digantikan dengan dasar persamaan yang sempurna serta landasan kemanusiaan yang tulus.

Masyarakat Islam menjadikan berkasih sayang itu sebagai suatu disiplin dalam seluruh perhubungan sesama manusia. Ini dibuktikan melalui sirah baginda SAW serta Sahabat-Sahabat r.a. yang jelas mementingkan hubungan sesama manusia. Hal ini meletakkan tamadun Islam dengan segala praktiknya menenggelam seluruh tamadun-tamadun manusia yang bangkit sebelum dan sesudahnya.

### **1.6.3. Menjaga Hubungan Antara Manusia Dan Alam Sekitar**

Manusia adalah makhluk yang teristimewa daripada makhluk-makhluk lain berdasarkan kelebihan akalnya. Dengan akal, manusia boleh berfikir, berkeaktiviti dan merencana sesuatu. Allah SWT memberikan kepada manusia kebebasan untuk memilih. Keistimewaan tersebut tidak dimiliki oleh haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Allah sebagai Pencipta manusia dan

alam telah mentakdirkan manusia menjadi pemakmur bumi ini dan alam seisinya semata-mata untuk kegunaan dan kemudahan hambaNya. Tidak timbul penzaliman terhadap makhluk-makhluk, pengsploitasian yang melampau kerana semua itu dijadikan oleh Allah dalam proses pengimarahannya di bumi ini.

Selain akal, manusia juga dikurniakan roh yang mempunyai keupayaan untuk subur dan membesar dan boleh meningkat kepada darjat ketinggian. Kedua-dua unsur iaitu akal dan roh ni digunakan oleh manusia untuk berinteraksi dengan alam yang diamanahkan kepadanya. Interaksi tersebut dalam dua bentuk iaitu:

- a) Interaksi dalam bidang pengambilan kepentingan (pengimarahannya eksploitasi) dan penundukan segala yang terdapat padanya, demi faedah, masalah dan kepentingan manusia.
- b) Interaksi melalui iktibar, renungan serta penumpuan fikiran terhadap alam dan segala yang terdapat padanya.

Interaksi tersebut dapat dikenalpasti di dalam beberapa ayat al-quran. Antaranya firman Allah SWT yang berbunyi:

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظَهْرَهُ وَبَاطِنَهُ وَمِنَ النَّاسِ مَن يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿٢٠﴾

Maksudnya: “*Tidakkah kamu perhatikan Sesungguhnya Allah Telah menundukkan untuk (kepentingan)mu apa yang di langit dan apa yang di bumi dan menyempurnakan untukmu nikmat-Nya lahir dan batin. dan di antara manusia ada yang membantah tentang (keesaan) Allah tanpa ilmu pengetahuan atau petunjuk dan tanpa Kitab yang memberi penerangan.*”

(surah Luqman : 20)

Alam adalah ciptaan Allah SWT yang bersistem, harmonis, indah dan bermanfaat. Ia adalah amanah Allah kepada manusia untuk diselidiki, dikaji dan direnungi. Alam tidak dicipta diharu biru, diporak perandakansesuka hati. Pada masa yang sama Allah juga mengarahkan manusia agar memanfaatkan segala anugerah yang telah diturunkan oleh Allah . Usaha pemanfaatan alam sejagat ini hendaklah dilakukan secara berhemah, terikat dengan nilai-nilai kudus ketuhanan, manakala hasil dan pencapaiannya hendaklah ditujukan kepada kemaslahatan seluruh manusia. Di samping penggalan kekayaan hasil mahsul bumi ini, manusia perlu ingat bahawa alam ini juga merupakan bahan renungan dan kajian untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan merasai keagungan-Nya.

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا  
إِلَيْهِ

Maksudnya: “*Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya, karena itu mohonlah keampunan-Nya, kemudian bertaubatlah kepadaNya*”.

(surah Hud : 61)

Dalam kontek hubungan dengan alam ini, Allah menyuruh manusia mengkaji mengenai alam sekitar mengetahui disebalik kejadian dan kewujudannya. Allah telah mengulang-ulangkan beberapa perkataan al-Quran berkaitan penglihatan, pemandangan, pendengaran, selain yang menunjukkan pemikiran iaitu mereka memahami, mereka berfikir, mereka mengetahui dan sebagainya. Melalui perkataan-perkataan ini mereka hendaklah membuka mata terhadap alam sekitarnya, mendalami dan memahami menggunakan akal fikiran yang sempurna. Firman Allah SWT :

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي  
تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ  
فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ  
الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ  
يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu dia hidupakan bumi sesudah mati (kering)-nya dan dia sebarkan di bumi itu segala jenis hewan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkkan.*”

(surah al-Baqarah : 164)

Dengan bukti dan kebesaran yang ditunjukkan dalam al-Quran, maka sewajarnya sebagai seorang muslim sejati hendaklah ada dalam diri mereka rasa kebertanggungjawaban yang tinggi kepada sumber alam disekeliling kita. Segala saranan yang disebutkan di dalam al-quran merupakan perhubungan atau interaksi manusia dengan alam, yakni melalui interaksi yang sempurna berpandukan pengamatan akal yang sempurna.

## **1.7 CIRI-CIRI KHUSUS TAMADUN ISLAM**

Dalam tamaan Islam, terapat beberapa ciri keistimewaan yang mungkin mempunyai persamaan dengan tamadun lain. Namun yang paling istimewa ialah tamadun Islam bersifat rabbani (ketuhanan). Keistimewaan ini tidak wujud dalam mana-mana tamadun yang ada.

Ciri-ciri khusus itu telah memberi kekuatan yang tersendiri kepada tamadun Islam sehingga berjaya menandingi tamadun-tamadun asing yang ada pada masa itu. Kekuasaan tamadun Rom dan Parsi yang mendominasi dunia pada masa itu telah tenggelam dengan kemunculan tamadun Islam. Oleh kerana itu, tamadun ini mampu bertahan lama dan menjadi model terbaik kepada masyarakat Islam yang bernaung dibawahnya.

Antara ciri-ciri tersendiri tamadun Islam yang boleh diuraikan di sini ialah: (Fairuzah Hj. Basri. 2008).

### **1.7.1 Rabbaniyah (bersumberkan ajaran Allah)**

Rabbaniyyah adalah kekuatan asal tamadun Islam. Tamadun Islam menjadikan Allah SWT sebagai tempat rujukan utama dan Rasulullah SAW adalah model tertinggi dalam membangunkan tamadunnya. Konsep rabbaniyyah membezakan antara tamadun Islam dan Tamadun barat, hal ini kerana tamadun Islam menjadikan sumber naqli sebagai sumber asasi, disamping tidak menafikan kepentingan sumber akli. Sedangkan tamadun barat hanya berdasarkan sumber akli iaitu berteraskan akal fikiran semata-mata malah yang lebih buruk mereka banyak menyangkal perkara yang dinyatakan di dalam sumber naqli, walau pun ianya dinukil dari ajaran Kristian sendiri. Keyakinan yang mantap oleh umat Islam kepada dasar dan matlamat tamadun ini menjadikannya memperoleh dua perkara iaitu nilai ketamadunan yang hakiki dan juga sebagai jalan untuk menuju keredhaan Allah SWT di dunia dan juga di akhirat.

### 1.7.2 **Menyeluruh (syumul)**

Bertepatan dengan agama Islam itu sendiri yang menjadi *role model* kehidupan manusia seluruhnya, maka ciri-ciri tamadun Islam juga merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Manakala manfaatnya pula dinikmati bukan sahaja oleh umat Islam tetapi juga bukan Islam (*rahmatan li al-'alamin*). Ajaran Islam meliputi seluruh kehidupan manusia termasuklah dalam perundangan (syariah), akhlak dan akidah. Islam juga menyeru supaya berlaku adil kepada semua insan tidak kira ianya beragama Islam atau tidak. Islam juga meliputi semua tempat dan masa tanpa batas geografi yang dapat mengasingkan Islam daripada manusia walaupun mereka berada dimana sekalipun. Tamadun Islam juga bersesuaian dengan semua orang setiap masa dan tempat kerana ciri umumnya bersifat sejagat dan terbuka.

Oleh itu, setiap manusia dengan jujur akan menerima segala apa yang dibawa dalam tamadun Islam. Ini kerana, manifestasi tamadun Islam ialah ajaran Islam itu sendiri. Setiap manusia diseluruh dunia tidak kira dimana dapat menyesuaikan dirinya dengan ciri tersebut. Hal ini kerana ia tidak terikat kepada bangsa tertentu atau disandarkan pada tempat tertentu, bahkan ia adalah milik seluruh manusia yang berpegang pada al-Din. Selain itu tamadun Islam juga terbuka kepada sebarang bentuk tamadun-tamadun selain Islam, asalkan ianya selari dan tidak bercanggah dengan asas dan matlamat tamadun Islam itu sendiri.

### 1.7.3 **Universal (bersifat sejagat)**

Tamadun Islam merupakan tamadun sejagat kerana dimiliki oleh sesiapa sahaja dan tidak bersifat eksklusif kepada satu-satu bangsa. Ia bukan milik orang Arab sebaliknya turut dibangunkan bersama-sama oleh bangsa Parsi, Sepanyol, Turki, India, China dan juga Melayu. Peradaban Islam yang wujud di seluruh pelusuk dunia sama ada di benua asia dan juga eropah tetap masih sama sepertimana peradaban Islam yang diamalkan di semenanjung arab. Bahkan sikap Islam lebih dari tu iaitu saling berkongsi ilmu pengetahuan untuk membangunkan tamadun masing-masing. Begitu

juga, tidak pernah timbul pertembungan sesama peradaban Islam seperti tamadun Islam Abbasiyyah di Baghdad dan Othmaniah di Turki yang melahirkan ketegangan agama, budaya mahupun pencapaian teknologi.

Dalam tamadun Barat, unsur penindasan dan membalas dendam masih menebal. Kegusaran Barat tentang kebangkitan semula tamadun Islam menjadi ancaman terbesar kepada *survival* tamadun Barat itu sendiri. Penguasaan Barat ke seluruh bumi umat Islam pada abad ke-20 membuktikan bahawa bukan setakat menjajah bahkan untuk melenyapkan khilafah Islamiah yang masih bertahan pada masa itu. Hal ini tidak berlaku dalam tamadun Islam, bangsa yang berjuang mempertahankan maruah umat dan ketinggian Islam akan dijanjikan kemenangan dan memegang amanah besar oleh Allah SWT, tidak kiralah bangsa eropah, arab, India atau melayu. Kesyumulan dan sarwajagat tamadun Islam telah terbukti berdasarkan sejarah perkembangan tamadun Islam itu sendiri.

#### **1.7.4 Ideal dan realistik**

Islam sentiasa meletakkan manusia di tingkat kesempurnaan yang paling tinggi dengan mengawasi seluruh kegiatan manusia agar tidak bercanggah dengan ajaran Allah . Ia realistik dari segi mengambil kira realiti alam sejagat atas dasar bahawa alam sejagat merupakan satu hakikat yang berlaku didunia nyata yang menunjukkan kewujudan Allah . Islam adalah suatu yang ideal untuk manusia. Ia menepati fitrah kemanusiaan dan mencukupi setiap keperluan hambaNya. Islam menggalakkan manusia berkeluarga. Maka Islam telah memberi jalan keluar untuk manusia melaksanakannya mengikut aturan yang cukup harmoni. Ia amat realistik dari segi mengambil kira realiti alam sejagat atas dasar bahawa alam sejagat merupakan satu hakikat yang berlaku di dunia nyata yang menunjukkan kewujudan Allah . Maka tidak timbul isu penderhakaan dan kemaksiatan hamba kepada Allah SWT . Ini kerana setiap perlakuan hamba akan dipersoalkan di akhirat kelak.

### **1.7.5 Tetap Dan Anjal**

Agama Islam juga mempunyai ciri yang bersifat tetap dan anjal. Ini bermakna Islam merupakan suatu yang tetap dan tidak berubah dari segi tujuan dan matlamat pembinaan tamadun manusia, tetapi anjal dari sudut cara dan teknik pelaksanaannya. Islam memberikan kebebasan kepada umatnya dari sudut untuk merealisasikan tamadun dengan mengambil kira matlamat yang harus dicapai, bukan kemajuan kebendaan semata-mata dengan menyetepikan unsur spritual. Untuk mencapai matlamat yang satu, yakni meninggikan kalimah Allah ﷻ, maka kaedah yang perbagai perlu dilaksanakan mengikut kesesuaian masa dan keadaan. Kepakaran ilmu umat Islam perlu digembeling seutuhnya bagi memastikan hasil yang diperolehi dapat dimanfaatkan kepada manusia sejagat dengan syarat ianya tidak membelakangi syariat Allah ﷻ .

### **1.7.6 Sepadu Dan Seimbang (*al-Tawazun*)**

Seluruh ajaran Islam dan sistemnya ditegakkan atas dasar sepadu dan seimbang. Setiap satu bahagian dengan bahagian yang lain saling berkaitan. Dunia adalah keperluan manusia, manakala akhirat adalah asas tujuan hidup manusia. Keseimbangan yang dikehendaki antara dunia dan akhirat ialah supaya manusia tidak mengabaikan salah satu darinya. Dunia dan kebendaan hanyalah jambatan menuju akhirat (keredhaan Allah ﷻ ).

Oleh itu, syariah perlu diamalkan secara keseluruhan oleh manusia dan bukan sebahagian tertentu sahaja. Apabila manusia hanya mengambil bahagian tertentu sahaja dan meninggalkan sebahagian perintah Allah yang lain maka cacatlah Islam seterusnya membawa kepada kepincangan dalam masyarakat dan negara. Selain itu seimbang bermaksud seimbang di antara dua keadaan yang bertentangan. Keseimbangan dalam banyak aspek antara kerohanian dan kebendaan.



## **1.8 KEUNIKAN TAMADUN ISLAM**

Beberapa keunikan dapat dikesan dalam tamadun Islam berbanding tamadun-tamadun asing yang wujud di dunia. Keunikan ini tidak terlintas pun oleh benak pikiran manusia biasa kecuali mereka yang beriman penuh kepada Allah dan RasulNya. Sejarah telah membuktikan bahawa Islam bukanlah agama rekaan manusia yang bernama ‘Muhammad’, akan tetapi agama yang datang dari Allah SWT sebagai rahmat sekalian alam. Ahmad Tarmizi Talib (2007), menghuraikan beberapa keunikan yang ada dalam tamadun Islam, antaranya :

### **a) Agama Melahirkan Tamadun**

Tamadun Islam adalah tamadun yang paling unik. Ini dapat dilihat dari segi kelahirannya. Tamadun Islam lahir dari asas agama. Kelahiran Islam di Semenanjung Tanah Arab telah mencetuskan sebuah revolusi pemikiran dan perubahan sosio budaya yang amat ketara melalui wahyu pertama yakni surah al-‘alaq (ayat 1-2) yang bermaksud, “*Bacalah, Bacalah dengan nama Tuhanmu*”. Dalam konteks ini, kemunculan agama Islam yang telah membangkitkan ketamadunan Islam itu sendiri. Situasi ini tidak wujud dalam tamadun-tamadun lain.

### **b) Peradaban**

Agama yang dibawa oleh Rasulullah SAW telah berjaya membentuk sebuah peradaban yang tinggi. Melalui intipati ajaran Islam, terbentuknya sahsiah peribadi muslim yang kental dan berperadaban tinggi. Melalui unsur-unsur itulah terbentuknya sebuah tamadun. Manakala dalam tamadun lain, perkembangan dan kemajuannya yang membentuk sahsiah peribadi yang diingini.

**c) Perkembangan**

Tamadun Islam berkembang di tempat yang tidak disangka oleh manusia. Allah SWT memilih tempat yang kering kontak untuk tapak kepada permulaan tamadun Islam. Kota Mekah merupakan kawasan padang pasir yang kering kontang. Bermula di Mekah dan berkembang di Madinah seterusnya melebarkan sayapnya di seluruh pelusuk dunia antaranya di Damsyiq, Kaherah, Cordova, Delhi dan sebagainya. Hal ini berbeza sekali dengan tamadun lain yang berkembang maju ditempat ia di asaskan sama di tepi sungai atau di tepi laut.

**d) Mengadaptasikan Konsep Ummah**

Perkembangan tamadun Islam berasaskan konsep ummah. Hal ini bertepatan dengan saranan Allah dan rasulNya bahawa ras, budaya, bangsa, geografi dan warna kulit tidak dilebihkan martabatnya di sisi Allah kecuali mereka yang lebih takwanya kepada Allah SWT. Bahkan tamadun Islam menerima unsur ketamadunan asing sama ada dari Greek, Parsi, India dan sebagainya diadun dan disarin untuk menguatkan lagi ketamadunan Islam.

**e) Asas Ilmu Pengetahuan**

Tamadun Islam bangkit dengan ilmu pengetahuan. Konsep Iqra' (baca dengan nama Tuhan) menjadi model pembangunan tamadun Islam. Kekuatan ilmu diterjemah untuk memperkasakan lagi ibadah kaum muslimin seterusnya menguatkan lagi pengaruh tamadun Islam itu sendiri. Dengan menggunakan kekuatan mata pedang, bangsa Monggol berjaya menjatuhkan kerajaan Islam Abbasiyah di Baghdad. Namun akhirnya bangsa penjajah itu telah akur dengan kekuatan ilmu dan roh Islam yang sekian lama tertanam di Baghdad.

## **1.9 KESIMPULAN**


Tamadun Islam amat unik berbanding dengan tamadun-tamadun asing yang ada. Proses keteguhannya yang berpaksikan sumber, asas dan matlamat yang jelas menjadikannya unggul, disegani oleh kawan dan lawan. Islam agama rahmah kepada seluruh makhluk telah berjaya menukar landskap kahidupan manusia keseluruhannya kepada menerima bahawa Allah adalah pemilik segala kemewahan dilangit dan di bumi. Keutamaan dalam pembentukan tamadun pun mestilah mendapat keredhaanNya seterusnya disokong oleh kecekapan muslim mengembangkannya mengikut situasi dan keperluan semasa.

Di dalam tamadun Islam nilai ketuhanan dan kemanusiaan di utamakan. Maka setiap keperluan dan naluri manusia akan tercapai apabila meletakkan dasar al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama pengembangan dan kemajuan manusia. Tamadun manusia adalah fitrah, maka kewujudannya menepati hala tuju manusia itu sendiri iaitu untuk mencapai hidup yang bahagia di dunia dan juga di akhirat. Melalui proses ketamadunan yang sempurna ini, matlamat kehidupan manusia akan terjamin dan kesejahteraan hidup akan terserlah dalam wadah ketamadunan Islam yang suci.

## **RUJUKAN**

- Abū Fāris Muhammad Abd. Al-Qādir (1986). *Al-Nizām al-Siyāsī Fī al-Islām*. Oman : Dar al-Furqān
- Ahmad Mohamad Said et al. (2003). *Islam dan Isu-isu Ketamadunan*. Bangi: Kolej Dar al-Hikmah.
- Amir A. Rahman. 1991. *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Azhar Hj. Mad. Aros (2003). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)* Kertas 1 dan 2.
- Buku Teks Kursus TITAS untuk Institusi Pengajian Tinggi (2001), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Fairuzah Hj. Basri (2008). *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu : Perkembangan dan Isu Kontemporari*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Kamus Dewan Edisi Kempat*. (2007). Kuala Lumpur: DBP.
- Mahayuddin Haji Yahya (2001), *Tamadun Islam*, Selangor : Penerbit Fajar bakti Sdn.Bhd.
- Mahayuddin Haji Yahya dan Ahmad Jelani Halimi (1993). *Sejarah Islam*, Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., Kuala Lumpur.
- Mahdi Shuid et.al. *TEKS Pra-U Tamadun Islam* (2006). Petaling Jaya : Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Modul Pembelajaran, Kursus Pemikiran dan Tamadun Islam CTU 151, Penerbit Universiti Teknologi MARA.
- Mohamad Taha (1990). *Pengenalan Tamadun Islam* dalam Baharuddin Yatim dan Sulaiman Noordin, “Islam Al-Quran dan Ideologi masa kini”, Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Yusof Hj Othman (2003). *Wacana Sejarah dan Falsafah Sains : Sains, Teknologi dan Globalisasi*. DBP : Kuala Lumpur.
- Mustafa Hj. Daud (1995). *Budi Bahasa Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Nasrudin Yunos et.al. (2007) *Pengajian Islam*. Shah Alam : Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- Osman Khalid (1990). *Takrif Tamadun dan Prinsip-prinsip Tamadun Islam*, dalam Baharuddin Yatim dan Sulaiman Noordin, “Islam Al-Quran dan Ideologi masa kini”, Pusat Pengajian umum Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rasid Muhamad (2006). *Matra Tamadun Islam*. Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Sayyid Qutub (1982). *Hari Esok Untuk Islam*. Jamaluddin Kafie (terj.). Singapura: Pustaka Nasional.
- Sazelin Arif et.al. (2007). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Tamadun Islam dan Tamadun Melayu* (2006). Siri Teks Pengajian Tinggi, Penerbitan Universiti Malaya.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud (2002). *Pembangunan di Malaysia Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*. INMIND : Petaling Jaya.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (1997). *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (2006). *Masyarakat Islam Hadhari Satu Tinjauan Epistemologi dan Kependidikan ke Arah Penyatuan Pemikiran Bangsa*. Kuala Lumpur : DBP.
- Zulkifli Dahalan et.al. (2009). *Sejarah Pemikiran dan Tamadun Islam*. Shah Alam: UPENA



Rajah 1: Bab 1 Konsep Tamadun Islam

**SOALAN REVISI**

1. Jelaskan maksud tamadun menurut etimologi dan terminologi (4 Markah)
2. Terangkan **TIGA (3)** asas utama tamadun Islam (6 Markah)
3. Bincangkan **TIGA (3)** ciri khusus tamadun Islam (6 Markah)
4. Kemukakan **EMPAT (4)** implikasi jika tamadun Islam tidak dipraktikkan dalam sesebuah masyarakat (8 Markah)
5. Huraikan **TIGA (3)** sumber yang digunakan dalam tamadun Islam (6 Markah)



# Pengenalan TAMADUN & PEMIKIRAN ISLAM KONTEMPORARI

Buku bertajuk Pengenalan Tamadun Dan Pemikiran Islam Kontemporari merupakan sebuah hasil penulisan yang cuba mencungkil mutiara-mutiara hikmah dilubuk peradaban manusia agung. Tamadun Islam bangkit dengan penuh hikmah. Manakala sejarah kehebatannya dinilai dan dipelajari oleh seluruh kelompok manusia di dunia. Tamadun yang berpaksikan nur Islam ini telah jauh menerangi dunia dikala manusia semua bermegah-megah dengan kebolehan yang ada. Beberapa isu kontemporari turut diselitkan dalam perbincangan ini agar ianya menepati inspirasi pelajar dan masyarakat di luar sana, berkaitan isu-isu dunia umat Islam. Adalah diharapkan penulisan ini dapat menjadi nilai tambah kepada perbendaharaan ilmu yang sedia ada demi memantapkan lagi kefahaman serta meleraikan segala permasalahan ummah di era globalisasi kini.

Penulisan ini dilakukan oleh sekumpulan pensyarah Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU), UiTM Kedah. Ianya berdasarkan sukatan terbaru kursus CTU 151 Pemikiran Dan Tamadun Islam, semakan 2011. Jesteru itu, diharap melalui penulisan kecil ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga pembaca khususnya untuk mendalami sejarah tamadun Islam dan juga susur galur perkembangan umat Islam hingga kini. Semoga pendekatan ini menyertahkan lagi keupayaan tamadun Islam dalam menangani pelbagai cabaran yang dihadapi khususnya masyarakat di Malaysia.